

LAPORAN TAHUNAN / ANNUAL REPORT

2015

KANDUNGAN

CONTENTS

2	Perutusan Pengerusi Chairman's Message	28	Program Komunikasi Communication Programmes	54	Institusi Keluarga Family Institution
4	Laporan Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif President and Chief Executive Officer's Report	32	Konvensyen Integriti Nasional 2015 National Integrity Convention 2015	58	Masyarakat Sivil dan Komuniti Civil Society and Community
10	PROFIL KORPORAT CORPORATE PROFILE	34	Dialog Integriti ASEAN 2015 ASEAN Integrity Dialogue 2015	60	Institusi Pentadbiran Administrative Institutions
11	Tentang INTEGRITI About INTEGRITI	35	Bengkel Pra Forum Global Mengenai Etika dan Integriti Pre-Workshop to Global Forum on Ethics and Integrity	62	Institusi Ekonomi Economic Institutions
	Penstrukturan semula organisasi Organisational Restructuring	36	Syarahan Breakfast Talk	68	Institusi Politik Political Institutions
12	Logo INTEGRITI INTEGRITI's Logo	38	Diskusi Meja Bulat Roundtable Discussion	72	Agensi Penguatkuasaan Enforcement Agencies
13	Matlamat INTEGRITI INTEGRITI's Objective	39	Diskusi Penyelidikan Research Discussion	74	Institusi Agama Religious Institutions
14	Visi dan Misi Vision and Mission	40	Malam Seni Integriti Integrity Art Night	76	Warisan dan Budaya Heritage and Culture
15	Penyataan Mengenai Tadbir Urus Korporat Statement Of Corporate Governance	41	Bicara Integriti 2015 Integrity Talk 2015	77	Sukan dan Rekreasi Sports and Recreation
18	Ahli Lembaga Pengarah Board of Directors	42	Dialog Bersama Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia Dialogue With Chief Commissioner of Malaysian Anti-Corruption Commission	79	Pusat Ilmu dan Rundingcara Integriti Centre for Knowledge and Consultancy on Integrity
20	Pengurusan Tertinggi Top Management	43	Pusat Koordinasi & Pemantauan dan Khidmat Pengurusan Centre for Coordination & Monitoring and Management Services		Pusat Ilmu Knowledge Centre
21	Carta Organisasi Organisational Structure	45	Khidmat Pengurusan Management Services	81	Arkib dan Dokumentasi Archive and Documentation
22	Warga Kerja INTEGRITI INTEGRITI Staff	49	Unit Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) Information and Communication Technology Unit (ICT)	83	Penyelidikan Research
23	Ahli-Ahli INTEGRITI INTEGRITI Members	51	Pusat Pembangunan dan Pelaksanaan Program Centre for Programme Development and Implementation	86	Fellowship dan Makmal Fellowship and Lab
26	LAPORAN REPORT			89	Perundingan Consultancy
28	Pusat Komunikasi, Program Antarabangsa dan Program Khas Centre For Communication, International and Special Programmes			91	KERATAN AKHBAR NEWSPAPER CUTTING
				96	Laporan dan Penyata Kewangan Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2015
				124	Reports and Financial Statements For The Financial Year Ended 31 December 2015

PERUTUSAN Pengerusi CHAIRMAN'S MESSAGE

Dengan nama Allah yang Maha
Pemurah lagi Maha Mengasihani

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Ilahi, Institut Integriti Malaysia (INTEGRITI) sudah pun melepasi sedekad usianya. Sejak penubuhannya 11 tahun yang lalu, INTEGRITI telah melalui pelbagai fasa perubahan dan peningkatan.

Terkini, INTEGRITI sedang berada pada fasa ketiga Pelan Integriti Nasional (PIN) 2014-2018. INTEGRITI mulai 1 Jun 2015 telah mempunyai seorang Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif yang baharu iaitu Dr. Anis Yusal Yusoff. Beliau pernah berkhidmat sebagai Pengarah Bahagian Perhubungan dan Persidangan serta Pengarah Pengasas Sektor Politik di INTEGRITI.

Bermula dengan penstrukturan dan penjenamaan semula organisasi, INTEGRITI telah memperlihatkan kesungguhan dan komitmen yang tinggi dalam mendukung agenda integriti nasional. Malah, INTEGRITI aktif melaksanakan pelbagai inisiatif dan program integriti di peringkat nasional dan serantau.

Pelantikan INTEGRITI sebagai Pusat Rujukan dan sekretariat untuk Jawatankuasa Konsultatif Nasional Mengenai Pembiayaan Politik (JKNMPP) oleh YAB Perdana Menteri mencerminkan kepercayaan dan harapan yang tinggi kerajaan terhadap INTEGRITI. Ia juga menjadi kayu pengukur kepada pencapaian

INTEGRITI sebagai sebuah institusi yang dirujuk mengenai integriti oleh semua pihak.

Pencapaian dan perkembangan yang begitu menggalakkan ini jelas selari dengan agenda integriti negara yang terkandung dalam Rancangan Malaysia ke-11 (RMK-11) yang telah dibentangkan di Parlimen pada 21 Mei 2015 yang lalu.

Saya yakin dan percaya, dengan kesungguhan dan komitmen yang dipamerkan oleh pihak pengurusan INTEGRITI di bawah kepimpinan Dr. Anis Yusal, dan dengan bantuan, kerjasama dan sokongan daripada pihak-pihak lain, agenda integriti nasional dapat dilaksanakan dengan jayanya. Lebih utama, pembudayaan dan penyuburan integriti dalam setiap warga negara ini mampu melahirkan sebuah masyarakat yang makmur, sejahtera dan berdaya saing.

Pada kesempatan ini, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih kepada semua Ahli Lembaga Pengarah, ahli-ahli, rakan-rakan strategik dan seluruh warga kerja INTEGRITI atas kerjasama serta sokongan yang tidak berbelah bahagi sepanjang menjayakan pelaksanaan PIN dalam kerangka Agenda Integriti Nasional sejak 11 tahun yang lalu. Semoga komitmen yang diberikan ini akan berterusan, sekali gus memberikan manfaat kepada keseluruhan warga Malaysia.

Semoga Allah swt merahmati semua usaha murni kita untuk memantapkan integriti dalam masyarakat.



TAN SRI DR. ALI HAMSA

In the name of Allah, the Most Beneficent, the Most Merciful

Alhamdulillah, all praise is due to Allah, the Malaysian Institute of Integrity (INTEGRITI) is now more than a decade old. Since its establishment 11 years ago, INTEGRITI has undergone various phases of change and improvement.

INTEGRITI is now in the third phase of the National Integrity Plan (NIP) 2014-2018. With effect from 1 June 2015, INTEGRITI has a new President and Chief Executive Officer, Dr. Anis Yusal Yusoff. He previously served as the Director of Communications and Conference Division as well as the Founding Director of the Political Sector of INTEGRITI.

Starting from the restructuring and rebranding of the organisation, INTEGRITI has shown a high level of determination and commitment in upholding the national integrity agenda. In fact, INTEGRITI has always been active in the implementation of various integrity initiatives and programmes at national and regional levels.

The appointment of INTEGRITI as the Reference Centre and secretariat for the National Consultative Committee on Political Funding by the Prime Minister reflects the high level of trust and expectations that the government has in INTEGRITI. It has also become a yardstick of INTEGRITI's achievement as an institution that is referred to by all parties on matters related to integrity.

This very encouraging achievement and growth are clearly in line with the

nation's integrity agenda as set out in the 11th Malaysia Plan tabled in Parliament on 21 May 2015.

I am confident that with the determination and commitment shown by the management of INTEGRITI under the leadership of Dr Anis Yusal, and with the help, collaboration and support from other parties, the national integrity agenda will be successfully implemented. Most important, the enculturation and cultivation of integrity in each Malaysian will lead to a society that is prosperous, peaceful and competitive.

I would like to take this opportunity to record my most sincere appreciation and gratitude to the Board of Directors, members, strategic partners and staff of INTEGRITI for their unconditional support and cooperation throughout the implementation of NIP within the framework of the National Integrity Agenda since 11 years ago. I hope that this commitment will continue and benefit all Malaysians.

May Allah SWT bless our good efforts in strengthening integrity within our society.



TAN SRI DR. ALI HAMSA



LAPORAN PRESIDEN DAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF PRESIDENT AND CHIEF EXECUTIVE OFFICER'S REPORT



Dengan nama Allah yang Maha
Pemurah lagi Maha Mengasihani

Laporan Tahunan ini merupakan yang kesebelas bagi Institut Integriti Malaysia (INTEGRITI) dan yang pertama bagi saya sebagai Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutifnya. Laporan Tahunan kali ini melaporkan setiap aktiviti dan perkembangan INTEGRITI bagi tahun 2015.

Selepas sebelas tahun ditubuhkan, dan selepas tiga orang Presiden yang telah menerajui institut ini, kini tiba giliran saya untuk menyambung dan meneruskan legasi dan kerja baik yang telah dilaksanakan oleh tiga mantan Presiden sebelum ini. Pada kesempatan ini, saya ingin mengucapkan berbilang terima kasih secara peribadi kepada YBhg. Tan Sri Dr. Sulaiman Mahbob, YBhg. Dato' Seri Dr. Isahak Yeop Mohamad Shar dan YBhg. Datuk Dr. MohdTap Salleh atas sumbangan besar mereka meletakkan batu asas kepada usaha membudayakan integriti dalam kalangan masyarakat Malaysia. Sumbangan mereka bertiga sangat penting kepada negara terutama dalam konteks sepuluh tahun pertama penubuhan INTEGRITI.

Dengan mendepani cabaran masa kini, INTEGRITI sejak awal 2015 telah meneruskan usaha-usaha sesuai dengan

fungsi sebagai agensi penyelaras dan pemantau pelaksanaan Pelan Integriti Nasional (PIN) dengan teras kegiatannya meliputi advokasi, komunikasi, pemantauan, penyelidikan dan pendidikan kepada lapan sektor masyarakat iaitu keluarga, komuniti, masyarakat sivil, sosiobudaya, agama, ekonomi, politik dan pentadbiran.

Bagi menyokong usaha-usaha ini, mulai Jun 2015, INTEGRITI telah melalui proses penstrukturan dan penjenamaan semula, sekali gus melancarkan logonya yang baharu. Tindakan penstrukturan dan penjenamaan ini signifikan selaras dengan usaha INTEGRITI untuk membantu Malaysia mencapai status negara berintegriti tinggi, berdaya tahan serta rakyatnya memiliki nilai-nilai murni sejagat.

Bagi tujuan tersebut, dalam rancangan kerja INTEGRITI bagi lima tahun akan datang, INTEGRITI memberi fokus kepada empat output utama:

- 1) menjadi institusi yang mengkoordinasi, memantau dan menilai pelaksanaan Pelan Integriti Nasional (PIN),
- 2) menjadi institusi yang menggerakkan semua lapisan dan sektor masyarakat secara fokus dan negara ke arah mencapai lima Sasaran Tekad Integriti,
- 3) menjadi institut pemikir perdana (*premier think-tank*) berkaitan hal

ehwal pengukuhan integriti negara dan

- 4) menjadi institut rujukan integriti dalam negara dan serantau yang mempunyai rangkaian strategik dan mendapat pengiktirafan global.

Bagi mencapai output-output berkenaan empat pusat telah ditubuhkan. Empat pusat tersebut adalah:

- 1) Pusat Komunikasi, Program Antarabangsa dan Program Khas
- 2) Pusat Koordinasi, Pemantauan dan Khidmat Pengurusan
- 3) Pusat Pembangunan dan Pelaksanaan Program
- 4) Pusat Ilmu dan Rundingcara

Secara amnya, keempat-empat pusat ini mempunyai peranan penting untuk menggerakkan agenda integriti dalam negara. Secara spesifiknya dalam Laporan Tahunan ini ada melaporkan aktiviti dan impak yang telah berjaya dicapai oleh setiap pusat mengikut terma rujukan masing-masing. Ada antara perancangan yang masih di peringkat awal dan insya Allah pada tahun 2016 nanti ia akan mula menunjukkan hasil.

Bagaimanapun, sepanjang tahun 2015, INTEGRITI telah berjaya melaksanakan pelbagai program dan aktiviti sama ada di peringkat dalam negara, rantau

ASEAN mahupun antarabangsa. Di peringkat antarabangsa umpamanya, kerjasama baik dengan *Integrity Action*, sebuah pertubuhan sivil yang berpangkalan di London telah membuahkan beberapa kerjasama pintar yang menghasilkan impak yang sangat signifikan. Modul latihan bagi kursus Pemimpin Integriti yang digunakan oleh *Integrity Action* di peringkat global telah diserahkan untuk disesuaikan dan diguna pakai oleh INTEGRITI. Begitu jugalah dengan Projek *Fix-rate: a key metric for Transparency and Accountability*, sebuah projek yang melibatkan komuniti setempat dalam usaha menentukan adanya *check and balances* dalam sesuatu aktiviti. Dengan bantuan *Integrity Action*, dan bantuan dana dari Bahagian Integriti dan Tadbir Urus (BITU), Jabatan Perdana Menteri (JPM), INTEGRITI sedang melaksanakan projek rintis di tiga buah Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dalam Malaysia. Hasil projek rintis ini nanti sekiranya sesuai dan memberi impak yang diharapkan, akan dicadangkan untuk dilaksanakan di seluruh negara.

Di peringkat rantau ASEAN pula, INTEGRITI telah berjaya pada penghujung 2015 menganjurkan *ASEAN Integrity Dialogue* (AID). Dialog kali ini memberi fokus kepada usaha mempertingkatkan integriti melalui institut pengajian tinggi atau universiti di negara masing-masing. Pengalaman yang diperkongsikan

oleh para peserta dari negara-negara anggota ASEAN dalam dialog ini sangat penting untuk Malaysia terus dihormati sebagai pemain utama rantau ini yang memberi penekanan kepada usaha membudayakan integriti dalam kalangan rakyatnya.

Dalam negara, banyak aktiviti-aktiviti strategik yang telah diusahakan. Antara yang penting untuk disebut adalah kerjasama pintar dengan MIMOS Berhad dalam penyediaan ujian psikometrik yang berteraskan integriti. Kini, INTEGRITI adalah *technology recipient* dari MIMOS untuk projek *Malaysian Integrity Testing* (MIT). Ujian ini telah disesuaikan untuk kegunaan INTEGRITI dengan nama *Malaysian Integrity Profiling* (MIP). Dengan adanya ujian ini untuk digunakan bagi mengenal pasti profil seseorang, INTEGRITI telah melengkapi enam alat utama yang dapat membantu INTEGRITI membantu agensi-agensi lain ke arah usaha untuk melaksanakan agenda integriti negara dengan lebih berkesan.

Alat-alat lain termasuk metodologi yang telah dibina oleh INTEGRITI dalam tahun 2015 untuk membantu usaha pemupukan integriti dalam negara terus berjalan adalah:

- 1) *Integrity Assessment Tool* (IAT) – alat ini digunakan untuk membuat penilaian tahap integriti sesebuah organisasi.

- 2) *Malaysian Integrity Profiling (MIP)* – alat ini seperti yang dijelaskan adalah untuk menilai profil integriti seseorang individu.
- 3) *Integrity Intervention Plan* – metodologi ini digunakan bagi membantu agensi menyediakan Pelan Integriti Organisasi masing-masing secara menyeluruh.
- 4) *Integrity Leadership Course (ILC)* – kursus peringkat *advance* mengenai integriti.
- 5) *Monitoring dashboard* – alat untuk memantau pelan integriti organisasi.
- 6) *Community/Client Integrity Building (CIB)* – alat untuk memastikan pelaksanaan pelan integriti tidak disalah-gunakan oleh pelaksana.

Tahun 2015 adalah tahun yang mencabar bagi INTEGRITI, namun dengan bantuan, sokongan dan kerjasama pelbagai agensi sama ada agensi awam, pihak swasta mahupun masyarakat sivil, semua program yang dirancang dapat dilaksanakan dengan jayanya.

Alhamdulillah, sepanjang tahun 2015 ini INTEGRITI juga telah mendapat liputan yang meluas daripada pelbagai media massa. Liputan ini bukan sahaja berkaitan dengan pelbagai program dan aktiviti yang dilaksanakan oleh INTEGRITI, tetapi juga idea dan pandangan tentang integriti sama ada

oleh penulis-penulis luar yang pernah hadir program-program INTEGRITI mahu pun artikel hasil penulisan warga kerja INTEGRITI sendiri. Menerusi liputan yang meluas ini, ia bukan sekadar dapat meningkatkan imej organisasi, tetapi juga lebih penting dapat meningkatkan kesedaran masyarakat tentang kepentingan untuk melaksanakan Agenda Integriti Nasional.

INTEGRITI juga tidak mahu terlepas daripada ikut serta menyebarkan maklumat melalui media sosial. INTEGRITI kini mempunyai wajah baharu di laman web, begitu juga di *Youtube*, *Facebook*, *Twitter* dan *Instagram*.

Harapan yang besar oleh kerajaan dan rakyat untuk melihat INTEGRITI berjaya melaksanakan tanggungjawabnya merupakan motivasi yang kuat kepada semua warga kerja INTEGRITI untuk terus berusaha gigih dalam meningkatkan prestasi dan hasil kerja bagi tahun-tahun mendatang. Ringan sama dijinjing, berat sama dipikul. Saya percaya, dengan komitmen tinggi setiap warga kerja INTEGRITI dan dengan sokongan padu setiap sektor masyarakat, usaha membudayakan integriti dalam kalangan masyarakat Malaysia ini akan dapat kita capai bersama.

Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan jutaan terima kasih kepada YAB Dato' Seri Najib Tun Abdul

Razak, Perdana Menteri Malaysia, di atas kepercayaan yang beliau berikan dalam melantik saya menerajui INTEGRITI. Terima kasih juga kepada YB Senator Datuk Paul Low, Menteri yang bertanggungjawab untuk hal ehwal integriti dan *governans* serta seluruh Lembaga Pengarah INTEGRITI, khususnya Tan Sri Dr. Ali Hamsa selaku Pengerusi, di atas kepercayaan, sokongan dan bantuan yang mereka berikan kepada pihak INTEGRITI.

Sekian, salam hormat.



DR. ANIS YUSAL YUSOFF

In the name of Allah, the Most Beneficent, the Most Merciful

This year's Annual Report is the 11th for the Malaysian Institute of Integrity (INTEGRITI), and the first for me as its President and Chief Executive Officer. This year's report records all the activities and development of INTEGRITI in 2015.

After eleven years of INTEGRITI's establishment, and three Presidents at its helm, it is now my turn to continue the legacy and good work carried out by the former Presidents. For that, I would like to take this opportunity to personally thank Tan Sri Dr Sulaiman Mahbob, Dato' Seri Dr Isahak Yeop Mohamad Shar and Datuk Dr Mohd Tap Salleh for their contributions in laying the foundation for the efforts in enculturating integrity in Malaysian society. Their contributions are significant to the nation especially in the context of the first decade of INTEGRITI's establishment.

In facing present day challenges, INTEGRITI continues its efforts stemming from its function as the coordinating, implementing and monitoring agency of the National Integrity Plan (NIP), with its core activities covering advocacy, communication, monitoring, research and education to the eight sectors of society, namely – family, community, civil society, socio-culture, religion,

economics, politics and administration.

To support these efforts, with effect from June 2015, INTEGRITI had undergone a restructuring and rebranding exercise, and simultaneously launched its new logo. This exercise is significant as it aligns INTEGRITI's efforts in helping Malaysia to become a nation of high integrity, that is resilient and embraces universal good values.

To that end, INTEGRITI's work plan for the next five years will be focusing on four main outputs:

- 1) to become an institution that coordinates, monitors and evaluates the implementation of the National Integrity Plan (NIP);
- 2) to become an institution that mobilizes all levels and sectors of society and the country in a focused manner towards achieving the Five Integrity Targets;
- 3) to become an institution that is the premier think-tank on matters pertaining to enhancing the nation's integrity; and
- 4) to become an institution that is the focal point of reference on integrity that is also strategically networked and internationally recognised.

In order to achieve the relevant outputs, four centres have been established, namely:

- 1) Centre for Communication, International and Special Programmes
- 2) Centre for Coordination & Monitoring and Management Services
- 3) Centre for Programme Development and Implementation
- 4) Centre for Knowledge and Consultancy on Integrity

In general, these four centres play an important role in moving the nation's integrity agenda. This Annual Report specifically contains reports on the activities and impact achieved by each centre in accordance to their respective terms of reference. There are also plans that are still in their early stages, which by God's will, will begin to show results in 2016.

Nevertheless, throughout the year 2015, INTEGRITI has successfully implemented various programmes and activities, locally, within the ASEAN region, as well as internationally. For example, at the international level, INTEGRITI collaborated with Integrity Action, a civil society organisation based in London, resulting in several smart partnerships with very significant impact. A training module for the Integrity Leadership Course used by Integrity Action globally was handed over to be adapted and adopted by INTEGRITI. The same applies to the project, Fix-rate: a Key Metric for

Transparency and Accountability, which involves local communities in an effort to establish check and balances for any particular activity. With the help from Integrity Action and funds from the Integrity and Governance Division of the Prime Minister's Department, INTEGRITI is now implementing a pioneer project with three Local Authorities in Malaysia. Results of this pioneer project, if appropriate with the intended impact produced, will be proposed for implementation nationwide.

Meanwhile, within the ASEAN region, INTEGRITI had successfully organised the ASEAN Integrity Dialogue at the end of 2015. This dialogue focused on efforts in raising the level of integrity through institutions of higher learning or universities in the respective countries. Experiences shared by participants from ASEAN member countries during the dialogue are very important for Malaysia to continue to be respected as the key player within the region that emphasises efforts in promoting integrity among its people.

Domestically, many strategic activities were carried out. Among those that deserve a mention is the smart partnership with MIMOS Berhad in the preparation of a psychometric test that is based on integrity. At present, INTEGRITI is the technology recipient of MIMOS for the Malaysian Integrity Testing (MIT) project. This test has been adapted for use by INTEGRITI

and named as the Malaysian Integrity Profiling (MIP). With the availability of this test which is used to identify a person's profile, INTEGRITI has now completed the six main tools that will be able to assist it in helping other agencies in the effort to implement the nation's integrity agenda more effectively.

Other tools including the methodology built by INTEGRITI in 2015 to assist in the efforts of cultivating integrity in the country are:

- 1) *Integrity Assessment Tool (IAT)* – this tool is used to evaluate the integrity level of an organisation.
- 2) *Malaysian Integrity Profiling (MIP)* – this tool, as explained, is to evaluate the integrity profile of an individual.
- 3) *Integrity Intervention Plan* – this methodology is used to help agencies in preparing a comprehensive Organisation Integrity Plan.
- 4) *Integrity Leadership Course (ILC)* – an advanced level course on integrity.
- 5) *Monitoring dashboard* – a tool to monitor an organisation's integrity plan.
- 6) *Community/Client Integrity Building (CIB)* – a tool to ensure that the implementation of the integrity plan is not misused by the implementing body.

2015 was a challenging year for INTEGRITI. However, with the help, support and cooperation of various agencies, public and private sectors, as well as the civil society, all planned programmes were successfully implemented.

All thanks and praise belongs to Allah SWT, INTEGRITI has also received wide coverage from various mass media throughout 2015. This coverage was not only in respect to the various programmes and activities conducted by INTEGRITI, but also the ideas and views on integrity by external writers who have attended INTEGRITI programmes, or articles written by the INTEGRITI staff. This wide coverage has not only raised the image of the organisation, but more importantly, it has also increased the public's awareness on the importance of the implementation of the National Integrity Agenda.

INTEGRITI too does not want to be left behind participating in the dissemination of information through social media. We now have a new look on our website, as well as on YouTube, Facebook, Twitter and Instagram.

The high hopes that the government and the people have in seeing INTEGRITI succeed in carrying out its responsibilities have proven to be a strong motivation for the INTEGRITI workforce to continue their unwavering efforts in improving

their performance and results in the years to come. Together through thick and thin, I believe that with the high commitment given by each member of the INTEGRITI staff as well as the steady support from all sectors of the society, the objective of promoting integrity among the Malaysian society will be achieved together.

I would like to take this opportunity to thank YAB Dato' Seri Najib Tun Razak, the Prime Minister of Malaysia, for his trust in appointing me to lead INTEGRITI. My thanks also goes to YB Senator Datuk Paul Low, who is responsible for integrity and governance portfolio in the Prime Minister's Department, as well as to the INTEGRITI Board of Directors as a whole, and in particular, Tan Sri Dr. Ali Hamsa as its Chairman, for the trust, support and cooperation given to INTEGRITI.

Thank you.



DR. ANIS YUSALYUSOFF

PROFIL KORPORAT

CORPORATE PROFILE

PROFIL KORPORAT CORPORATE PROFILE

TENTANG INTEGRITI

Institut Integriti Malaysia (INTEGRITI) telah ditubuhkan pada 23 April 2004 bersempena dengan pelancaran Pelan Integriti Nasional (PIN) oleh Perdana Menteri yang kelima, YABhg. Tun Abdullah Ahmad Badawi. Sebagai sebuah organisasi yang mendukung integriti, INTEGRITI memainkan peranan penting sebagai badan penyelaras dan pemantau pelaksanaan PIN agar Malaysia dapat mencapai status negara berintegriti tinggi, berdaya tahan serta rakyat memiliki nilai-nilai murni sejagat.

Bermula dengan Fasa Pertama PIN (2004 – 2008) yang juga lebih dikenali sebagai Tekad 2008, INTEGRITI meneruskan langkah melaksanakan agenda integriti negara dengan menjadikan Fasa Kedua PIN ataupun Tekad Integriti sebagai asas landasan dan panduan. Kini INTEGRITI berada pada Fasa Ketiga PIN (2014-2018). Namun, untuk merealisasikan Agenda Integriti Nasional, INTEGRITI perlu berganding bahu dengan pelbagai pihak lain seperti institut integriti negeri.

PENSTUKTURAN SEMULA ORGANISASI

Bagi meningkatkan kecekapan perkhidmatan, INTEGRITI telah melaksanakan penstrukturan semula organisasi bermula Julai 2015. Empat sektor sedia ada iaitu Sektor Swasta, Sektor Awam, Sektor Sosiobudaya dan Sektor Politik telah digantikan dengan empat pusat baharu iaitu Pusat Komunikasi, Program Antarabangsa dan Program Khas; Pusat Pembangunan dan Pelaksanaan Program; Pusat Koordinasi, Pemantauan dan Khidmat Pengurusan; serta Pusat Ilmu dan Rundingcara telah ditubuhkan. Pusat-pusat ini lebih fokus untuk mencapai matlamat dari empat output utama dalam rancangan kerja lima tahun INTEGRITI.

Selaras dengan usaha memperkasakan INTEGRITI juga, satu sistem profil kakitangan yang komprehensif telah diperkenalkan. Pelaksanaan sistem ini adalah berasaskan kepada pencapaian dan kelayakan akademik, pendedahan serta pengalaman kerjaya profesional. Set kompetensi

ABOUT INTEGRITI

The Malaysian Institute of Integrity (INTEGRITI) was established on 23 April 2004 in line with the launch of the National Integrity Plan (NIP) by the fifth Prime Minister, Tun Abdullah Ahmad Badawi. As an organisation that upholds integrity, INTEGRITI plays an important role in coordinating, monitoring and evaluating the implementation of the NIP in order for Malaysia to become a nation of high integrity that is resilient and embraces universal good values.

Starting with the First Phase of the NIP (2004-2008), better known as *Tekad 2008*, INTEGRITI has continued steps to implement the country's integrity agenda by making the Second Phase of the NIP or *Tekad Integriti* its foundation and guide. INTEGRITI is now in the Third Phase of the NIP (2014-2018). However, in order to realise the National Integrity Agenda, INTEGRITI needs to work hand in hand with various parties including the state integrity institutes.

ORGANISATIONAL RESTRUCTURING

To increase the efficiency of its services, INTEGRITI has conducted an organisational restructuring exercise beginning July 2015. Four sectors in existence, the Private Sector, Public Sector, Sociocultural Sector and Political Sector, have now been replaced with four new centres, which are the Centre for Communication, International and Special Programmes; Centre for Programme Development and Implementation; Centre for Coordination, Monitoring and Management Services; and the Centre for Knowledge and Consultation on Integrity. These centres are formed to focus on achieving INTEGRITI's four key outputs within its five-year work plan.

In line with the enculturation of integrity, a comprehensive staff profiling system has been introduced whereby its implementation is based on academic achievement, qualification, exposure as well as professional career

serta tahap kebolehan tersebut disesuaikan dan digunakan sebagai analisis penanda aras bagi menentukan profil kakitangan bertepatan dengan tugas dan bidang kerja masing-masing turut dilaksanakan.

LOGO INTEGRITI

Selaras dengan pembaharuan dan penstrukturan semula organisasi, INTEGRITI telah melancarkan logo baharunya bersempena sambutan Hari Malaysia pada 14 September 2015. Pelancaran logo berkenaan disempurnakan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri, Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi yang diwakili oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Seri Dr. Shahidan Kassim.

Penampilan wajah dan imej baharu INTEGRITI ini adalah selari dengan hasrat mentransformasikan pelaksanaan agenda integriti nasional. Malahan, ia juga pemangkin kepada perubahan yang lebih positif dan sistematik dalam kalangan warga INTEGRITI. Justeru, penjenamaan semula INTEGRITI bukan hanya tertumpu pada kosmetik (luaran) dan fizikal, tetapi juga kepada beberapa elemen dalaman seperti cara dan kaedah pelaksanaan kerja.

Proses penjenamaan baharu ini diyakini dapat menyerlahkan lagi peranan INTEGRITI di mata masyarakat, sekali gus berupaya menarik minat umum terhadap perkhidmatan yang ditawarkan oleh institusi ini menerusi kelainan imej yang ia tampilkan. Selain itu, penjenamaan ini juga diharap akan dapat meningkatkan *visibility* dan kedudukan INTEGRITI sebagai sebuah hub integriti yang terulung. Hal ini akan secara langsung mewujudkan imej, identiti dan reputasi INTEGRITI yang bukan sahaja dikenali dalam negara, malahan turut megah di persada antarabangsa.

Jenama baharu INTEGRITI ini direka dengan konsep yang *straightforward, simple, bold* dan jelas. Mesej ini ketara dengan penggunaan warna hitam dan putih sahaja.

experience. Levels of competency and capability are used as benchmark analysis in order to determine that the staff profile fits their respective duties and scope of work.

INTEGRITI'S LOGO

In line with the reformation and restructuring of the organisation, INTEGRITI launched its new logo in conjunction with the Malaysia Day celebration in September 2015. It was officiated by YAB Dato' Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi, Deputy Prime Minister, who was represented by Dato' Seri Dr. Shahidan Kassim, Minister in the Prime Minister's Department.

This new look and image of INTEGRITI is in line to the organisation's aspiration in transforming the implementation of the national integrity agenda. In fact, it is also a catalyst for a more positive and systematic change among the INTEGRITI workforce. Hence, the rebranding of INTEGRITI is not only focused on the cosmetic and physical aspects, but it is also aimed at several internal elements such as the approach and method of working.

This rebranding process is expected to further augment INTEGRITI's role in the eyes of the society, thus capable of attracting the public's interest in the services offered through the new image. In addition, it is also hoped that this rebranding process will be able to increase visibility and raise INTEGRITI's position as a leading integrity hub. This will directly create INTEGRITI's image, identity and reputation that are not only known in the country, but in fact, attributes which are to be proud of on the international stage.

This new brand is designed with a concept that is straightforward, simple, bold and clear. This message is clearly displayed in the use of only black and white colours.

PENJELASAN MENGENAI LOGO BAHARU

Warna putih yang mendasari tulisan menggambarkan integriti yang suci, bersih dan tidak dicemari.

Warna hitam menggambarkan permasalahan integriti yang berlaku dalam diri mahupun negara.

Garisan putih lurus menggambarkan bahawa agenda integriti perlu diteruskan walau apa jua halangan. Ia juga membawa maksud tiada bengkok-bengkok dalam mengamalkan integriti.

Perkataan 'INTEGRITI' *dibolakan* dan menggunakan huruf besar iaitu mesej utama yang ingin disampaikan.

Di bawah perkataan INTEGRITI diletakkan nama Institut Integriti Malaysia (INTEGRITI) iaitu agensi yang diamanahkan untuk mengkoordinasikan agenda integriti negara.

Terjemahan Institut Integriti Malaysia dalam Bahasa Inggeris diletakkan dalam usaha membawa INTEGRITI ke arena antarabangsa.



EXPLANATION OF THE NEW LOGO

The white fonts symbolise integrity that is pure, clean and untainted.

The colour black represents challenges of integrity that occurs within individuals as well as the nation.

The straight white line symbolises an integrity agenda that needs to be continued despite challenges that come. It also means that there is no compromise in practicing integrity.

The word "INTEGRITI" is in a bold large font, which is representative of the main message to be conveyed.

Underneath the word INTEGRITI, is the name of the Malaysian Institute of Integrity (INTEGRITI) that is the agency entrusted to coordinate the nation's integrity agenda.

The English translation of the name "Institut Integriti Malaysia" is displayed to position INTEGRITI in the international arena.

MATLAMAT INTEGRITI

Bagi membantu Malaysia mencapai status negara berintegriti tinggi, berdaya tahan dan memiliki nilai-nilai murni sejagat, INTEGRITI memfokuskan kepada empat output utama:

1. menjadi institusi yang mengkoordinasi, memantau dan menilai pelaksanaan Pelan Integriti Nasional;
2. menjadi institusi yang menggerakkan semua lapisan dan sektor masyarakat secara fokus dan negara ke arah mencapai lima Sasaran Tekad Integriti;
3. menjadi institut pemikir perdana (*premier think-tank*) berkaitan hal ehwal pengukuhan integriti negara; dan
4. menjadi institut rujukan integriti dalam negara dan serantau yang mempunyai rangkaian strategik dan mendapat pengiktirafan global.

INTEGRITI'S OBJECTIVE

In order to facilitate Malaysia to become a nation of high integrity, that is resilient and embraces universal good values, INTEGRITI focuses on the following four key outputs:

- 1) to become an institution that coordinates, monitors and evaluates the implementation of the National Integrity Plan;
- 2) to become an institution that mobilizes all levels and sectors of society and the country in a focused manner towards achieving the Five Integrity Targets;
- 3) to become an institution that is the premier think-tank on matters pertaining to enhancing the nation's integrity; and
- 4) to become an institution that is the focal point of reference on integrity that is also strategically networked and internationally recognised.

VISI DAN MISI VISION AND MISSION

VISI

Membantu Malaysia ke arah mencapai negara berintegriti tinggi, yang berdaya tahan dan mangamalkan nilai-nilai murni sejagat.

MISI

Menyelaras, memantau dan menilai pelaksanaan Pelan Integriti Nasional.

VISION

To facilitate Malaysia to become a nation of high integrity, that is resilient and embraces universal good values.

MISSION

Coordinate, monitor and evaluate the implementation of the National Integrity Plan.

PENYATAAN MENGENAI TADBIR URUS KORPORAT STATEMENT OF CORPORATE GOVERNANCE

Lembaga Pengarah INTEGRITI memberi perhatian dan komitmen yang tinggi dalam memastikan tadbir urus korporat adalah berdasarkan piawaian tertinggi dalam tadbir urus korporat INTEGRITI. Justeru, Lembaga Pengarah dengan sukacitanya membentangkan penyata mengenai tadbir urus korporat bagi tahun berakhir 31 Disember 2015.

The INTEGRITI Board of Directors gives great attention and commitment in ensuring that the corporate governance of INTEGRITI is based on high standards. Hence, the Board of Directors is pleased to present the statement on corporate governance for the year ending 31 December 2015.



LEMBAGA PENGARAH INTEGRITI

INTEGRITI diketuai oleh Lembaga Pengarah yang memimpin dan mengawal perjalanan organisasi. Selain itu, Lembaga Pengarah turut bertanggungjawab terhadap keseluruhan tadbir urus INTEGRITI dan merupakan badan utama yang merangka, seterusnya menentukan dasar dan hala tuju INTEGRITI untuk mencapai kejayaan dalam matlamat strategiknya.

BOARD OF DIRECTORS

INTEGRITI is spearheaded by a Board of Directors that leads and steers the organisation's direction. The Board of Directors is also responsible towards the governance of INTEGRITI and is the main body that formulates and subsequently determines INTEGRITI's policies and direction in order to successfully achieve its strategic goals.

KOMPOSISI LEMBAGA PENGARAH INTEGRITI

Dilantik oleh YAB Perdana Menteri, Lembaga Pengarah INTEGRITI terdiri daripada 10 orang tokoh. Mereka merupakan golongan profesional yang kaya dengan pengalaman, pengetahuan dan kepakaran dalam pelbagai bidang sama ada dalam perkhidmatan awam, operasi perniagaan, kewangan mahupun perundangan. Lima daripada mereka merupakan ahli *ex-officio* yang dilantik

COMPOSITION OF BOARD OF DIRECTORS

The INTEGRITI Board of Directors comprises of 10 members that are appointed by the Prime Minister. They are professionals with vast experience, knowledge and expertise in various fields, whether in public service, business operations, finance or law. Five of them are *ex-officio* members appointed pursuant to their position in the public service, whereas the rest are appointed in their personal

berdasarkan jawatan dalam perkhidmatan awam, sementara yang lain dilantik secara individu dalam kalangan sektor korporat, ahli akademik, badan bukan kerajaan dan pengamal undang-undang (*regulator*).

Bagi ahli *ex-officio* yang bersara daripada perkhidmatan awam, kedudukannya sebagai Lembaga Pengarah akan diambil alih oleh pengganti beliau. Namun, bagi yang dilantik secara individu, beliau akan terus menjadi ahli Lembaga Pengarah sehingga usianya mencecah 70 tahun dan perlu bersara pada Mesyuarat Agung tahun berkenaan. Meskipun begitu, beliau masih boleh dilantik semula sebagai Lembaga Pengarah sekiranya dipersetujui oleh tiga per empat daripada ahli-ahli INTEGRITI yang hadir dalam Mesyuarat Agung Tahunan pada tahun tersebut.

TANGGUNGJAWAB DAN TUGAS LEMBAGA PENGARAH INTEGRITI

Lembaga Pengarah bertanggungjawab sepenuhnya dalam meluluskan polisi-polisi utama dan harta institut serta memastikan urusan atau program institut adalah selaras dengan matlamat penubuhan institut. Lembaga Pengarah bertanggungjawab menilai dan memantau pencapaian hala tuju strategik institut.

MESYUARAT LEMBAGA PENGARAH INTEGRITI

Selain Mesyuarat Agung Tahunan, Lembaga Pengarah INTEGRITI juga telah mengadakan empat mesyuarat sepanjang tahun 2015 bagi membincangkan pelbagai isu berkaitan integriti termasuk perancangan program dan aktiviti integriti. Di samping itu, perbincangan turut menyentuh hal ehwal operasi dan pentadbiran organisasi. Semua input perbincangan dan keputusan mesyuarat telah diminit dan dicatatkan.

capacity from among the corporate sector, academics, non-governmental bodies and legal practitioners (regulators).

In the case of *ex-officio* members who have retired from public service, their positions as directors will be taken over by their respective replacements in office. However, for members who are appointed in their personal capacity, they will remain as Directors until the age of 70, when they will be required to retire during the Annual General Meeting of that particular year. Nevertheless, they may still be reappointed to the Board of Directors with the approval of at least three quarters of the INTEGRITI members present at the Annual General Meeting of the said year.

DUTIES AND RESPONSIBILITIES OF BOARD OF DIRECTORS

INTEGRITI Board of Directors is fully responsible in approving main policies and properties of the Institute as well as ensuring that administration and programmes of the Institute are in accordance with the objectives of its establishment. The Board of Directors is responsible for evaluating and monitoring the achievements of the strategic direction of the Institute.

BOARD OF DIRECTORS' MEETING

In addition to the Annual General Meeting, the Board also convened four meetings throughout 2015 to discuss various issues in respect of integrity, including the planning of integrity programmes and activities. The discussions also touched on operational affairs as well as administration of the organisation. All inputs during the discussion and decisions made during the meetings were recorded in the minutes.

BILANGAN MESYUARAT LEMBAGA PENGARAH INTEGRITI

Berikut merupakan senarai mesyuarat yang diadakan sepanjang tahun 2015:

- i. Mesyuarat Lembaga Pengarah Bil. 1/2015 (09 April 2015)
- ii. Mesyuarat Lembaga Pengarah Bil. 2/2015 (23 Jun 2015)
- iii. Mesyuarat Lembaga Pengarah Bil. 3/2015 (1 September 2015)
- iv. Mesyuarat Lembaga Pengarah Bil. 4/2015 (1 Disember 2015)

JAWATANKUASA DI BAWAH LEMBAGA PENGARAH

Bagi membantu pelaksanaan tugas, Lembaga Pengarah INTEGRITI telah menubuhkan jawatankuasa yang bertanggungjawab menjalankan tugas berdasarkan kepada terma rujukan yang telah ditetapkan dan mengikut bidang kuasa yang diperturunkan oleh Lembaga Pengarah INTEGRITI. Pengerusi jawatankuasa tersebut berkewajipan melaporkan kepada Lembaga Pengarah berkenaan perakuan jawatankuasa tersebut untuk kelulusan.

Jawatankuasa Pelantikan dan Ganjaran

Jawatankuasa ini bertanggungjawab menimbang dan memperakukan pelantikan Lembaga Pengarah dan ahli INTEGRITI. Ia telah bersidang pada 12 Januari 2015.

Keahlian:

Tan Sri Datuk Amar (Dr.) Hamid Bugo (Pengerusi)

Tan Sri Hj. Ambrin Buang

Prof. Emeritus Dato' Dr. Ibrahim Ahmad

Dr. Chandra Muzaffar

NUMBER OF BOARD OF DIRECTORS' MEETINGS

The following is the list of meetings held throughout the year 2015:

- i. Board of Directors' Meeting No. 1/2015 (9 April 2015)
- ii. Board of Directors' Meeting No. 2/2015 (23 June 2015)
- iii. Board of Directors' Meeting No. 3/2015 (1 September 2015)
- iv. Board of Directors' Meeting No. 4/2015 (1 December 2015)

COMMITTEE UNDER THE BOARD OF DIRECTORS

To assist in the discharge of its duties, the Board of Directors has established a committee to carry out duties based on the terms of reference stipulated and in accordance with the powers devolved upon them by the Board of Directors. The Chairman of the Committee is responsible to report to the Board in respect of any confirmation of the committee for approval.

Nomination and Remuneration Committee

This committee is responsible for the consideration and confirmation of appointment of the Board of Directors and members. The committee convened on 12 January 2015.

Members:

Tan Sri Datuk Amar (Dr) Hamid Bugo (Chairman)

Tan Sri Dato' Setia Ambrin Buang

Prof Emeritus Dato' Dr Ibrahim Ahmad

Dr Chandra Muzaffar

AHLI LEMBAGA PENGARAH BOARD OF DIRECTORS



1.



2.



3.



4.



5.

1. Tan Sri Dr. Ali Hamsa

Pengerusi INTEGRITI dan Ketua Setiausaha Negara
Chairman of INTEGRITI and Chief Secretary to the Government of Malaysia

2. Dr. Anis Yusal Yusoff

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif INTEGRITI
President and Chief Executive Officer of INTEGRITI

3. Tan Sri Abdul Gani Patail

Peguam Negara, Jabatan Peguam Negara
Attorney General, Attorney General's Chambers of Malaysia

4. Tan Sri Hj. Ambrin Buang

Ketua Audit Negara, Jabatan Audit Negara
Auditor General of Malaysia, National Audit Department

5. Tan Sri Haji Abu Kassim Mohamed

Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia
Chief Commissioner of Malaysian Anti-Corruption Commission



6.



7.



8.



9.



10.

6. Dato' Sri Dr. Sharifah Zarah Syed Ahmad
Ketua Setiausaha, Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia
Secretary General, Ministry of Communications and Multimedia

7. Dr. Chandra Muzaffar
Presiden Pergerakan Keadilan Sedunia (JUST)
President of the International Movement for a Just World (JUST)

8. Tan Sri Datuk Amar (Dr.) Hamid Bugo
Pengarah Bebas Bukan Eksekutif, Sime Darby Berhad
Independent Non-Executive Director, Sime Darby Berhad

9. Dato' Seri Ranjit Ajit Singh
Pengerusi, Suruhanjaya Sekuriti Malaysia
Chairman, Security Commission Malaysia

10. Prof. Emeritus Dato' Dr. Ibrahim Ahmad
Timbalan Naib Canselor INTI-Laureate International
Deputy Vice-Chancellor of INTI-Laureate International

PENGURUSAN TERTINGGI TOP MANAGEMENT



1.



2.



3



4.

1. Dr. Anis Yusal Yusoff

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif
President and Chief Executive Officer

2. Dr. Ahmad Fadzli Ahmad Tajuddin

Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif
Deputy Chief Executive Officer

3. En. Mohd Nizam Mohd Ali

Pengarah Kanan dan Ketua Penyelaras
Senior Director and Chief Coordinator

4. Hj. Mohammad Diah Hj. Wahari

Pengarah Kanan dan Ketua Penyelaras
Senior Director and Chief Coordinator

CARTA ORGANISASI

ORGANISATIONAL STRUCTURE

LEMBAGA PENGARAH BOARD OF DIRECTORS

PRESIDEN DAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF
PRESIDENT AND CHIEF EXECUTIVE OFFICER

TIMBALAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF
DEPUTY CHIEF EXECUTIVE OFFICER

PUSAT KOMUNIKASI,
PROGRAM
ANTARABANGSA &
PROGRAM KHAS

1. Program Komunikasi
2. Members Liaison
3. Konvensyen Integriti Nasional
4. Dialog Integriti ASEAN
5. Breakfast Talk
6. Diskusi Meja Bulat
7. Diskusi Penyelidikan
8. Malam Seni Integriti

CENTRE FOR
COMMUNICATION,
INTERNATIONAL &
SPECIAL PROGRAMMES

1. Communications Programme
2. Members Liaison
3. Annual National Integrity Convention
4. ASEAN Integrity Dialogue
5. Breakfast Talk
6. Roundtable Discussion
7. Research Discussion
8. Integrity Art Night

PUSAT KOORDINASI &
PEMANTAUAN DAN KHIDMAT
PENGURUSAN

1. Program Perancangan Korporat
2. Program Pemantauan & Penilaian

CENTRE FOR COORDINATION
& MONITORING AND
MANAGEMENT SERVICES

1. Corporate Planning Programme
2. Monitoring and Evaluation Programme

KHIDMAT PENGURUSAN

1. Unit Pentadbiran
2. Unit Sumber Manusia
3. Unit Kewangan
4. Unit ICT

MANAGEMENT SERVICES

1. Administration Unit
2. Human Resources Unit
3. Finance Unit
4. ICT Unit

JAWATANKUASA KHAS

1. Penerbitan
2. Penyelidikan
3. Komunikasi
4. Pelaburan dan kewangan

SPECIAL COMMITTEES

1. Publication
2. Research
3. Communication
4. Investment and Finance

PUSAT PEMBANGUNAN
DAN PELAKSANAAN
PROGRAM

1. Agensi Penguatkuasaan
2. Institusi Ekonomi
3. Institusi Pentadbiran
4. Masyarakat Sivil & Komuniti
5. Institusi Agama
6. Institusi Politik
7. Sukan & Rekreasi
8. Warisan & Budaya
9. Institusi Keluarga
10. Kanak-Kanak, Pelajar & Belia

CENTRE FOR
PROGRAMME
DEVELOPMENT AND
IMPLEMENTATION

1. Enforcement Agencies
2. Economic Institutions
3. Administrative Institutions
4. Civil Society & Community
5. Religious Institutions
6. Political Institutions
7. Sports & Recreation
8. Heritage & Culture
9. Family Institutions
10. Children, Students & Youth

PUSAT ILMU DAN
RUNDINGCARA
INTEGRITI

1. Perundingan
2. Fellowship/Makmal
3. Penyelidikan
4. Arkib dan Dokumentasi
5. Pusat Ilmu

CENTRE FOR
KNOWLEDGE AND
CONSULTANCY ON
INTEGRITY

1. Consultancy
2. Fellowship/Lab
3. Research
4. Archive and Documentation
5. Knowledge Centre

WARGA KERJA INTEGRITI INTEGRITI STAFF



AHLI-AHLI INTEGRITI INTEGRITY MEMBERS

A

Dato' Hj. A. Aziz Deraman
Dato' Abd Rasid Samsudin
Datuk Hj. Abdul Ghani Salleh
En. Abdul Rahim Razali
Datuk Dr. Hj. Abdul Rahman Hasan
Dato' Abu Bakar Othman
En. Abu Hurairah Ahmad
Dato' Adilah Shek Omar
Dato' Seri Adnan Hj Md Ikshan
Datuk Sr. Ahmad Fauzi Nordin
Dato' Ahmad Shapawi
En. Ahmad Zakir Abdul Rahman
Dato' Aidit Ghazali
Dr. Al Azmi Bakar
Dato' Sri Alias Hj. Ahmad
Datin Aminah Pit Abd Rahman
Dato' Amir Md Noor
Dato' Anthony Reynolds Peter
Pn. Asrina Mahadi
Dato' Azharuddin Abdul Rahman
Datuk Sri Ir. Azman Mohd

C

Cik Catherine Ridu
Pn. Chan Wen Li

D

En. David Sim Huay Chuang
Pn. Dina Zaman

F

Datuk Hj. Faizoull Ahmad
Datuk Faridah Khalid
Datuk Farida Mohd Ali

H

Dato' Halimah Hassan
Pn. Haslina Mansor
Dato' Hassan Mohd Amin
Datuk Himmat Singh
En. Huan Cheng Kee
Prof. Dato' Dr Hussein Hj. Ahmad

I

Datuk Ibrahim Ahmad
Datuk Seri Ibrahim Muhamad
Datuk Hj. Ismail Abu Hassan
En. Ismail Zakaria

J

Dr. Jalaluddin Harun
Pn. Jamilah Hanim Othman
Datuk Jamil Salleh
Pn. Josie Fernandez

K

En. Kamal Baharin Omar
En. Kanakaraja a/l Muthusamy
Tan Sri Dato' Sri Khalid Abu Bakar
Dato' Sri Khazali Hj. Ahmad

L

Datuk Lamien Sawiyo
 Puan Lim Yin Yee
 Datuk Loo Took Gee
 Dato' Dr. Low Bin Tick
 En. Low Eng Tack

M

Tan Sri Dr. Madinah Mohamad
 Datuk Mahammad Ibrahim
 Prof. Dato' Dr. Mahmood Nazar Mohamed
 Prof Emeritus Dato' Dr. Mahmood Zuhdi Hj. Abdul Majid
 Datuk Dr. Marimuthu Nadason
 Dato' Dr. Mazlan Yusoff
 Hj. Md Badrul Hisham Awang
 Tan Sri Megat Najmuddin Megat Khas
 Dr. Michael Chiam Tow Hui
 Hj. Mohamad Khairudin Hj. Mohamad
 Dato' Mohamad Salleh Rafie
 Tan Sri Mohamad Zabidi Zainal
 Dr. Mohammad Nidzam Abdul Kadir
 Laksamana Maritim Datuk Mohd Amdan Kurish
 Dato' Seri Panglima Mohd Annuar Zaini
 Dato' Mohd Arpan Shari
 Hj. Mohd Arshad Ismail
 Dato' Ir. Hj. Mohd Azman Hj. Shahidin
 Tan Sri Dr. Mohd Irwan Serigar Abdullah
 Dato' Mohd Kamil Mohd Ali
 Dato' Mohd Najib Hj. Abdullah
 En. Mohd Nasir Ab Hadi
 En. Mohd Rosli Hj. Abdullah
 En. Mohd Salihin Othman
 En. Mohd Satar Ramli
 Prof. Tan Sri Dato' Dr. Mohd Shukri Ab Yajid
 Tan Sri Dato' Mohd Yusof Hitam

Prof. Dato' Dr. Mohd Yusof Hj. Othman
 Datuk Moh Samsudin Yusof
 En. Mohsin Mohd Ghazali
 Dato' Munirah Abdullah Bajanuddin
 Dato' Hj. Mustafa Ali
 Hj. Mustafa Sidi
 En. Mustaffa Kamil Ayub
 Datuk Mustafha Abd. Razak
 Dato' Muthanna Abdullah

N

Pn. Nik Amlizan Mohamed
 En. Nik Md Riffin
 En. Nik Mohamed Yusoff Afendi Jaafar
 En. Noor Azahari Zainal Abidin
 En. Noorazmi Sahar
 Puan Noorjan Mohd Mustapha
 Dato' Sri Dr. Noorul Ainur Mohd. Nur
 Dato' Norani Hj. Mohd Hashim
 En. Norazman Othman
 Dato' Hj Nordin Abdul Hamid
 Hjh. Norihan Ali
 En. Nurulhudda Nazlin Hussin

O

Datuk Othman Hashim
 Dato' Hj. Othman Mustapha

P

Haji Paimuzi Yahya
 En. P. Kanason a/l Pothinker
Menyedari keperluan penyimpanan data yang terurus dan sistematik, satu pembangunan sistem dan pangkalan data INTEGRITI (*database* INTEGRITI) telah dilaksanakan. Penyimpanan data ini melibatkan pelbagai informasi penting seperti maklumat semua Ahli Lembaga Pengarah, ahli-ahli INTEGRITI dan pemegang taruh yang lain.

4. Pembangunan dan pelaksanaan Projek 1Government Unified Communication (1GOVUC)

Mulai Jun 2015, INTEGRITI telah mula menggunakan sistem e-mel 1GovUC bagi menggantikan sistem terdahulu. 1GovUC merupakan perkhidmatan komunikasi dan kolaborasi bersepadu yang diuruskan secara berpusat oleh Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU). Lanjutan daripada itu, INTEGRITI turut membangunkan portal kolaboratif (intranet) INTEGRITI. Ia merupakan sebahagian daripada perkhidmatan 1GovUC yang membenarkan perkongsian maklumat dan dokumen di peringkat dalaman INTEGRITI.

Another website that is also under the purview of INTEGRITI is the Corporate Integrity System Malaysia (CISM). CISM is a conceptual framework established as an integrity initiative by INTEGRITI, supported by stakeholders of the economic institution, Performance Management and Delivery Unit (PEMANDU) of the Prime Minister's Office, Malaysian Anti-Corruption Commission (MACC), Companies Commission Malaysia (CCM) and Transparency International Malaysia (TI-Malaysia). This portal facilitates MACC in their efforts to promote the Corporate Integrity Pledge (CIP) to private companies.

3. Development of INTEGRITI system and database

Recognising the need for an organised and systematic data storage, an INTEGRITI system and database (INTEGRITI database) was developed and implemented. This data storage was for a variety of important information such as particulars of the Board of Directors, members of INTEGRITI and other stakeholders.

4. Development and implementation of the 1Government Unified Communication (1GOVUC) Project

Beginning June 2015, INTEGRITI started using the new 1GovUC e-mail system in replacement of the old system. 1GovUC is a communication service and an integrated collaboration managed centrally by the Malaysian Administrative, Modernisation and Management Planning Unit (MAMPU). Subsequently, INTEGRITI also established the collaborative INTEGRITI portal (intranet). This was part of 1GovUC's service which allowed for the sharing of information and documents at an internal level in INTEGRITI.

PUSAT PEMBANGUNAN DAN PELAKSANAAN PROGRAM CENTRE FOR PROGRAMME DEVELOPMENT AND IMPLEMENTATION

Pusat Pembangunan dan Pelaksanaan Program adalah pusat yang bertanggungjawab untuk menggerakkan semua peringkat serta sektor masyarakat secara berfokus ke arah mencapai sasaran lima Tekad Integriti. 10 portfolio sebagai penggerak utama ialah Kanak-kanak, Pelajar dan Belia, Institusi Keluarga, Institusi Ekonomi, Institusi Pentadbiran, Institusi Agama, Institusi Politik, Agensi Penguatkuasaan, Masyarakat Sivil dan Komuniti, Sukan dan Rekreasi serta Warisan dan Budaya.

The Centre for Programme Development and Implementation is responsible for mobilising all levels and sectors of society in a focused manner towards achieving the Five Integrity Targets. The 10 portfolios that act as the prime mover are portfolios focusing on Children, Students and Youth, Family Institution, Economic Institution, Administration, Religious Institution, Political Institution, Enforcement Agencies, Civil Society and Community, Sports & Recreation and Heritage & Culture.

KANAK-KANAK, PELAJAR DAN BELIA

Portfolio ini berfungsi untuk menggerakkan sektor kanak-kanak, pelajar dan belia dengan memberikan informasi tentang kepentingan nilai-nilai integriti kepada generasi yang bakal mewarisi kepelbagaian dan kekayaan negara. Antara program yang telah dilakukan adalah:

1. Siri Syarahan Integriti Tun Azizan Zainul Abidin ke-5

Pada 25 Februari 2015, INTEGRITI telah menganjurkan Siri Syarahan Integriti Tun Azizan Zainul Abidin ke-5 di Universiti Teknologi Petronas (UTP), Bandar Sri Iskandar, Perak. Tujuan ia diadakan adalah untuk mengembangkan nilai murni tokoh dalam kalangan generasi muda, sekali gus mengambil teladan daripada ceramah bertajuk *'Good Governance and Integrity'* yang telah disampaikan oleh Ketua Pegawai Eksekutif UEM Group Berhad, Dato' Izzaddin Idris.

CHILDREN, STUDENTS AND YOUTH

This portfolio is responsible for the enhancement of integrity among children, students and youth by providing information on the importance of integrity to the next generation that will inherit wealth and diversity of the country. Among the programmes conducted were:

1. The Tun Azizan Zainul Abidin 5th Integrity Lecture Series

On 25 February 2015, INTEGRITI organised the Tun Azizan Zainul Abidin 5th Integrity Lecture Series at the Universiti Teknologi Petronas, Bandar Sri Iskandar, Perak. The objective of this lecture series is to instil good leadership values among the younger generation and to allow the participants to gain knowledge from the lecture. The lecture entitled "Good Governance and Integrity" was delivered by Dato' Izzaddin Idris, Chief Executive Officer of UEM Group.



Gambar-gambar sekitar Siri Syarahan Integriti Tun Azizan Zainul Abidin ke-5.
Pictures during the Tun Azizan Zainul Abidin 5th Integrity Lecture Series.



Gambar-gambar sekitar ICGS 2015

2. *Integrity Champions Global Summit (ICGS) 2015*

Generasi muda merupakan aset berharga negara. Justeru, INTEGRITI dengan kerjasama Bahagian Pendidikan Menengah, Majlis Amanah Rakyat (MARA) telah menganjurkan *Integrity Champions Global Summit (ICGS)* selama lima hari bermula 9 April 2015 di utara negara. Ia diadakan bagi mendedahkan kepada generasi muda tentang peranan dan tanggungjawab mereka sebagai pemimpin dalam pengamalan dan penghayatan nilai integriti.

ICGS diadakan di empat lokasi iaitu Kepala Batas, Pendang dan Pulau Langkawi di Kedah serta Balik Pulau di Pulau Pinang. Sementara itu, Maktab Rendah Sains MARA (MRSM) Kubang Pasu menjadi lokasi utama. Ia disertai oleh 160 orang pemimpin pelajar MRSM yang terpilih dari seluruh negara di samping lapan orang pelajar dari Sekolah Antarabangsa Genting Highlands. Majlis penutup disempurnakan oleh Menteri Besar Kedah, YAB Dato' Seri Haji Mukhriz Tun Mahathir. Beliau turut melancarkan buku terbitan INTEGRITI berjudul '*Corporate Integrity in Malaysia*'.

3. *Pidato Integriti Piala Menteri Pendidikan Malaysia 2015*

INTEGRITI dengan kerjasama Majlis Debat Universiti Malaysia

2. *Integrity Champions Global Summit*

The younger generation is often seen as the nation's most valuable asset. In view of this, INTEGRITI, in collaboration with the Secondary Education Division of the Majlis Amanah Rakyat (MARA) conducted a five-day Integrity Champions Global Summit which was held beginning 9 April 2015 in the northern zone of Malaysia. The summit's objective was to give exposure to the younger generation on their roles and responsibilities as future leaders and on the importance of practising good values.

The summit was held in four different locations, namely, Kepala Batas, Pendang and Langkawi (Kedah), and Balik Pulau (Penang). Held at MARA Junior Science College (MRSM) in Kubang Pasu, the summit was attended by 160 student leaders from MRSM nationwide and eight other students from the Genting Highlands International School. The closing ceremony was officiated by Dato' Seri Haji Mukhriz Tun Mahathir, the Menteri Besar of Kedah. The Menteri Besar also launched a book published by INTEGRITI entitled "*Corporate Integrity in Malaysia*" during the event.

3. *Integrity Elocution Competition Malaysian Education Minister's Trophy, 2015*

INTEGRITI in collaboration with the



Gambar sekitar Pertandingan Pidato Integriti 2015



Gambar sekitar Bicara Berirama Integriti Sekolah-Sekolah Menengah Peringkat Kebangsaan 2015

(MADUM), Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM), Institut Pendidikan Guru Kampus Bahasa Melayu (IPBKM) dan Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) telah menganjurkan Pidato Integriti Piala Menteri Pendidikan Malaysia 2015 dari 15 hingga 18 Mei 2015. Majlis perasmian telah disempurnakan oleh YB Menteri Pendidikan Tinggi, Dato' Seri Idris Jusoh. Pertandingan yang bertemakan 'Merakyatkan Agenda Integriti' ini diadakan bagi menambah kefahaman dan kesedaran dalam kalangan pelajar tentang kepentingan elemen dan prinsip integriti dalam usaha memakmurkan dan mengharmonikan masyarakat. Ia disertai oleh 60 orang pelajar institut pengajian tinggi awam dan swasta.

4. Bicara Berirama Integriti Sekolah-Sekolah Menengah Peringkat Kebangsaan 2015

Pada 20 Ogos 2015, INTEGRITI telah menganjurkan satu Pertandingan Bicara Berirama Integriti Sekolah-Sekolah Menengah Peringkat Kebangsaan 2015 di Hotel Empress, Sepang, Selangor. Majlis ini dirasmikan oleh Pengarah Bahagian Kokurikulum dan Kesenian, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Puan Hajah Rozainum Ahmad dan disertai oleh 480 orang pelajar yang merupakan juara di peringkat negeri termasuk Kuala Lumpur dan Putrajaya. Mengetengahkan persembahan berbentuk puisi atau prosa berkumpulan, pertandingan ini telah mula diadakan sejak beberapa tahun yang lalu sebagai sebahagian daripada inisiatif kementerian untuk meningkatkan penguasaan serta penggunaan

Malaysian Universities Debate Council (MADUM), the Institute of Teachers' Education (IPGM), the Institute of Teachers' Education Malay Campus and the Sultan Idris Education University organised the Integrity Elocution Competition Education Minister's Trophy from 15 to 18 May 2015. The opening ceremony was officiated by Dato' Seri Idris Jusoh, the Minister of Higher Education. Themed 'Localising the Integrity Agenda', the competition was held with the aim to promote a better understanding on integrity and to create greater awareness among students of the importance of the principles of integrity in achieving prosperity and greater harmony in the society. 60 students of higher learning institutions participated in this competition.

4. National Integrity Choral Speaking Competition for Secondary Schools

On 20 August 2015, INTEGRITI organised the National Integrity Choral Speaking Competition for Secondary Schools at Empress Hotel in Sepang, Selangor. The event was officiated by Hajah Rozainum Ahmad, Director of Co-Curricular and Arts Department of the Ministry of Education, Malaysia. It was attended by 480 students, qualified at the state level, including Kuala Lumpur and Putrajaya. This competition, which showcases group performances of prose and poetry, started several years ago as part of the ministry's initiative to improve the mastery and use of standardised Malay language



Bahasa Melayu baku khususnya dalam kalangan pelajar sekolah menengah. Bagaimanapun, tema integriti hanya diperkenalkan mulai tahun lalu apabila INTEGRITI menjadi penganjur bersama KPM untuk program berkenaan.

among secondary school students. However, the integrity theme was introduced beginning last year when INTEGRITY agreed to jointly organise the programme with the Ministry of Education.

INSTITUSI KELUARGA

Kejayaan usaha untuk menjadikan integriti sebagai suatu keperluan dalam kehidupan memerlukan penglibatan daripada keluarga. Ini kerana penerapan nilai-nilai baik dan murni bermula di rumah.

FAMILY INSTITUTION

The efforts to make integrity as an integral part of life require the involvement of family. Family plays a pivotal role in instilling good values at home.

1. Dialog Pemerkasaan Integriti Wanita

Bertemakan 'Wanita Berintegriti Pemangkin Keluarga Bahagia', satu dialog bertajuk 'Pemerkasaan Integriti Wanita' telah diadakan

1. Dialogue on Empowering Women with Integrity

A dialogue on Empowering Women themed "Women of Integrity are Catalysts to Happy Families" was held at the Dewan Seri Bendahara, the official residence of the Chief



di Dewan Seri Bendahara, kediaman rasmi YAB Ketua Menteri Melaka pada 30 Januari 2015 dengan perasmian oleh Ketua Menteri Melaka, YAB Datuk Seri Ir. Hj. Idris Hj. Haron. Program berkenaan yang merupakan anjuran INTEGRITI bersama Unit Integriti, Jabatan Ketua Menteri Melaka, Badan Amal Kebajikan Isteri Wakil-Wakil Rakyat Barisan Nasional Negeri Melaka (BISTARI) dan Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) telah diadakan bagi memperkasakan wanita dalam melaksana serta mengimbangi peranannya sebagai isteri dan individu berkerjaya, sekali gus meningkatkan pengetahuan serta menjana pembentukan keluarga bahagia.



Minister of Melaka on 30 January 2015. The event was officiated by Datuk Seri Ir Haji Idris Haji Haron, the Chief Minister of Melaka himself. The programme was jointly organised by INTEGRITI and the Integrity Unit of Melaka Chief Minister's Office, the Melaka Barisan Nasional Elected Representatives Wives' Welfare Association and the National Population and Family Development

Board. The programme was organised with the aim to empower women who have to balance their role between being a wife and a working individual and simultaneously enhance their knowledge in fostering happy families.

2. Wacana Pemeraksanaan Integriti Kebapaan

INTEGRITI dengan kerjasama *Peace Lady* (AMANITA), Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Negeri Sembilan dan Jabatan Pencegahan Jenayah dan Keselamatan Komuniti (JPJKK), IPK Negeri Sembilan telah mengadakan 'Wacana Pemeraksanaan Integriti Kebapaan' pada 12 Februari 2015 di Pusat Keluarga LPPKN Seremban 2 dengan bertemakan 'Ayah Berintegriti Pemacu Keluarga Sejahtera'. Program yang dihadiri oleh anggota polis dan wakil-wakil badan bukan kerajaan ini diadakan untuk memantapkan peranan, tanggungjawab serta kemahiran kebapaan menerusi pengukuhan pembudayaan nilai-nilai integriti selain membantu membentuk paradigma baru dengan meletakkan akauntabiliti sebagai tunjang utama membimbing ahli keluarga. Di samping itu, ia turut dianjurkan bagi membolehkan peserta memahami dan mendalami integriti dari segi praktis dan konseptual ke arah pembentukan generasi anak-anak yang berkeperibadian mulia.

2. Discourse on Strengthening of Paternal Integrity

INTEGRITI, in collaboration with AMANITA (Peace Lady), the Negeri Sembilan Police Contingent Headquarters and the Department of Crime Prevention and Community Safety, Negeri Sembilan organised a programme, entitled 'Discourse on Empowering Paternal Integrity' themed "Fathers with Integrity are contributors to the well-being of the Families" on 12 February 2015, at the LPPKN Centre for Families in Seremban 2.

The programme was attended by members of the police force and representatives of non-government bodies with the aim to strengthen fathers' roles, responsibilities and skills through the reinforcement of noble values and the enculturation of integrity as well as shifting to a new paradigm where accountability is regarded as central to the guidance of families. In addition, the programme was organised with the aim to enable the participants to have a better understanding of integrity in practical and conceptual manner, towards the formation of young generation who upholds good values.



3. Bengkel Pewasitan Artikel Buku Integriti Keluarga

Melalui khidmat pakar rujuk keluarga dalam kalangan ahli akademik Universiti Malaysia Sabah (UMS), INTEGRITI telah menganjurkan Bengkel Pewasitan Artikel Buku Integriti Keluarga di The Klagan Hotel, Kota Kinabalu, Sabah pada 28 hingga 29 Mac 2015. Penganjurannya merupakan kesinambungan daripada Seminar Kebangsaan Integriti Keluarga: Pembentangan Ilmiah Isu Keluarga, Wanita dan Kanak-kanak yang berlangsung pada 11 Disember 2014 di UMS. Menerusi bengkel ini, sebanyak 23 artikel telah dipilih untuk dijadikan bahan rujukan utama integriti.

4. Kursus KIPP dan PIOB Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara

Pada 3 hingga 5 April 2015 telah berlangsung kursus Kerja Berpasukan, Integriti, Profesionalisme, Penyayang (KIPP) dan Pembangunan Individu dan Organisasi Berintegriti (PIOB) Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) di Hotel Seaview, Pulau Langkawi. Kursus yang dihadiri oleh 36 orang pegawai LPPKN seluruh negara ini bertujuan untuk memperkenalkan kepada mereka rangka kerja konseptual 'nilai bersama LPPKN', menyampaikan pengetahuan dan mengukuhkan pemahaman model serta meningkatkan kesedaran tentang kepentingan nilai integriti dari segi tingkah laku di tempat kerja.

3. Editorial Workshop on Collection of Articles in "Family Integrity" publication

Through a series of consultation with academicians and experts from University of Malaysia Sabah, an editorial workshop on collection of articles from the book, "Family Integrity" was held at The Klagan Hotel in Kota Kinabalu, Sabah from 28 to 29 March 2015. The workshop was a continuation of the National Seminar on Family Integrity: Academic Presentation on Family, Women and Children Issues held on 11 December 2014 at the same university. In this workshop, 23 articles were selected to become the main reference materials on issues related to integrity.

4. KIPP and PIOB Courses with the National Population and Family Development Board

National Population and Family Development Board (LPPKN) organised a course focusing on Teamwork, Integrity, Professionalism and Care and on Personal Development and Organisation from 3 to 5 April 2015 at Hotel Seaview Langkawi. The courses were attended by 36 LPPKN officers nationwide. The objective of the course was to expose and introduce them to the conceptual framework of shared values within LPPKN and to part knowledge and to reinforce the understanding of the model and to increase awareness on the importance of integrity at the workplace.



5. Seminar Integriti Alam Perkahwinan

Menyedari keperluan integriti dalam membentuk keluarga bahagia, INTEGRITI bersama Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dan Sekretariat Rakan Integriti Mahasiswa (SRIM), USIM telah menganjurkan Seminar Integriti Alam Perkahwinan pada 22 April 2015 di Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, USIM. Bertemakan 'Cinta Ibadah Berintegriti Keluarga Bahagia', program berkenaan dihadiri oleh ratusan pelajar USIM yang sudah berumah tangga berserta pasangan masing-masing. Matlamat utama seminar ini diadakan adalah untuk mempertingkatkan ilmu, kemahiran, pengetahuan dan kefahaman tentang pembinaan integriti keluarga dalam kalangan peserta, sekali gus meningkatkan kesedaran tentang keperluan akauntabiliti sebagai asas utama kebahagiaan rumah tangga.

6. Dialog Pemerkasaan Integriti Keibubapaan

Dengan kerjasama SMK Shahbandaraya dan Kolej Islam Sultan Alam Shah (KISAS), INTEGRITI telah menganjurkan Dialog Pemerkasaan Integriti Keibubapaan pada 9 Mei 2015 di KISAS. Tujuan program yang bertemakan 'Integriti Keibubapaan Pemacu Generasi Terbilang' ini diadakan adalah untuk memperkasa dan memantapkan ilmu serta pembudayaan nilai-nilai integriti kalangan ibu bapa, guru dan komuniti. Antaranya ialah melalui peningkatan kemahiran keibubapaan.

7. Pelancaran Buku 'Integriti Dalam Keluarga: Panduan Ke Arah Keluarga Bahagia'

INTEGRITI telah melancarkan buku berjudul 'Integriti Keluarga: Panduan Ke Arah Keluarga Bahagia' pada 12 November 2015 bersempena dengan penganjuran Konvensyen Integriti Nasional (KIN). Upacara pelancaran disempurnakan oleh Menteri di



5. Marital Seminar on Integrity

Realising the importance of integrity in building a harmonious family, INTEGRITI, together with the Alumni and Student Affairs and the Graduate Integrity Partners of the Malaysian Islamic Science University (USIM), organised a Seminar on the Integrity in Marriage on 22 April 2015 at the Faculty of Al Quran and Sunnah Studies. Themed 'Love of worship creates a Happy Family with Integrity,' the programme was attended by hundreds of married USIM students along with their spouses. The objective of this seminar was to increase knowledge, skills and understanding on the importance of practising integrity within the family unit and simultaneously raising awareness on the need for being accountable as it forms the basic component of happy marriages.

6. Dialogue on Strengthening Parental Integrity

INTEGRITI, in collaboration with Shahbandaraya Secondary School and Sultan Alam Shah Islamic College (KISAS), organised a Dialogue on Strengthening Parental Integrity on 9 May 2015 at KISAS. Themed 'Parental Integrity driving Excellent Generation' the objective of the Dialogue was to empower parents, educators and community with integrity values. One of the ways is through the enhancement of parental skills.

7. Launching of the Book 'Integrity in the Family: Guide to a Happy Family'

INTEGRITI launched a book entitled 'Integrity in the Family: Guide to a Happy Family' on 12 November 2015 in conjunction with the National Integrity Convention. Officiated by YB Senator Datuk Paul Low Seng Kuan, Minister in the Prime Minister's Department, the book was a part of an earlier project

Jabatan Perdana Menteri, YB Senator Datuk Paul Low Seng Kuan. Buku berkenaan merupakan hasil kerjasama awal antara Unit Keluarga Sektor Sosiobudaya, INTEGRITI dengan Unit Penyelidikan Psikologi dan Kesihatan Sosial, Fakulti Psikologi dan Pendidikan, Universiti Malaysia Sabah (UMS).

carried out between the Family Unit of the Socio-cultural Sector, INTEGRITI and the Psychological Research and Social Health Unit, Faculty of Psychology and Education, Universiti Malaysia Sabah.

MASYARAKAT SIVIL DAN KOMUNITI

Portfolio ini berfungsi untuk menggerakkan sektor masyarakat dan komuniti ke arah pemupukan nilai-nilai murni dalam masyarakat. Antara program:

1. Seminar Pengukuhan Integriti JKKK

Seminar pengukuhan Integriti JKKK dijalankan bagi memastikan penyaluran ilmu berjalan secara menyeluruh melibatkan semua pemimpin akar umbi di seluruh Malaysia. Ia terdiri daripada sesi bengkel dan ceramah yang membincangkan tentang isu serta keadah menangani masalah integriti di kampung masing-masing. Hasil daripada kajian tersebut telah menonjolkan imej peneraju transformasi pengurusan hal ehwal pembudayaan dan pemupukan nilai-nilai murni, khususnya di peringkat akar umbi masyarakat. Ini selaras dengan objektif utama INTEGRITI untuk menjadi jentera pelaksana PIN ke arah membangunkan sebuah bangsa Malaysia yang berdaya tahan serta menghayati nilai-nilai integriti dan etika.

2. Kajian Keberkesanan Seminar Pengukuhan Integriti JKKK

Kajian ini dilaksanakan bagi menilai Keberkesanan Seminar Pengukuhan Integriti Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) anjuran INTEGRITI yang telah dijalankan di empat daerah; Port Dickson, Tampin dan Seremban di Negeri Sembilan dan Slim River, Perak. Untuk kajian tersebut yang berlangsung selama empat bulan, INTEGRITI telah melantik pasukan penyelidik daripada Universiti Teknologi MARA

CIVIL SOCIETY AND COMMUNITY

This portfolio functions as the mover in instilling good values in civil society and community. Among the programmes carried out to achieve these objectives are:

1. Village Development and Security Committee Integrity Reinforcement Seminar

The Village Development and Security Committee (JKKK) Integrity Reinforcement Seminars were conducted to ensure a comprehensive delivery of knowledge and integrity values to all grassroots leaders in Malaysia. The seminar incorporates workshop sessions and lectures, that discussed issues and methods of managing integrity concerns at the participants' respective villages.

2. Survey on the Effectiveness of the Village Safety and Welfare Committee Integrity Reinforcement Seminar

This study is conducted to review the effectiveness of the Village Safety and Welfare Committee Integrity Reinforcement Seminar organised by INTEGRITI in four districts namely Port Dickson, Tampin, Seremban and Slim River in Perak. The study was carried out for four months and INTEGRITI appointed a team of researchers from Universiti Teknologi MARA as consultants responsible for the preparation of survey questions, analyses of data and preparation of reports.

(UiTM) sebagai jururunding yang bertanggungjawab dalam melaksanakan penyediaan soalan kaji selidik, analisis data dan pelaporan kajian.

3. Seminar Pengukuhan Integriti Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung Peringkat Daerah

Bagi memastikan mesej integriti sampai kepada pemimpin peringkat akar umbi, INTEGRITI telah melaksanakan lima siri Seminar Pengukuhan Integriti Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung peringkat daerah sepanjang Jun dan Julai 2015 di Kedah dan Johor. Ia berlangsung di tiga buah daerah di Kedah iaitu Kuala Muda, Kulim dan Bandar Baharu, manakala di Johor pula ialah di Batu Pahat dan Mersing. Program separuh hari ini mengetengahkan penceramah-penceramah berpengalaman seperti Pengarah Institut Wassatiyah Malaysia Jabatan Perdana Menteri, Dato' Mohd Yusof Din dan mantan Ketua Pengarah Penerangan Malaysia, Dato' Mohd Salleh Safie. Selain itu, ia turut disertai oleh sekitar 300 orang pemimpin akar umbi di peringkat daerah.

4. Projek Rintis: Pembangunan Integriti Untuk Komuniti (CIB)

Program Pembangunan Integriti Untuk Komuniti (CIB) telah

3. Seminar on Strengthening the Integrity of Chairmen of Village Development and Security Committee at the District Level

To wide spread the message of integrity among the grassroots leaders, INTEGRITI organised five series of seminars on Strengthening the Integrity of Chairmen of Village Development and Security Committee at the district level throughout June and July 2015. The seminars were held in three districts in Kedah namely Kuala Muda, Kulim and Bandar Baharu, while in Johor they were organised in Batu Pahat and Mersing. These half-day programmes set forth experienced speakers such as Dato' Mohd Yusof Din, the Director of Wassatiyah Institute of Malaysia, Prime Minister's Department, and Dato' Mohd Salleh Safie former Malaysian Director General of Information. Approximately 300 grassroots leaders at the district level also participated in the programmes.

4. Pioneer Project: Community Integrity Building (CIB)

Community Integrity Building programme was introduced by INTEGRITI as a collaborative approach involving local authorities and the community. Through this programme, both parties were jointly able to identify problems that occur with respect to the administration and the



diperkenalkan oleh INTEGRITI sebagai satu pendekatan kerjasama melibatkan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dengan komuniti. Menerusi program ini, kedua-dua pihak dapat bersama-sama mengenal pasti masalah yang berlaku berkaitan pentadbiran dan pelaksanaan projek pembangunan untuk rakyat, sekali gus mencapai kaedah penyelesaian yang praktikal bagi mengatasinya agar dapat dilaksanakan oleh pihak yang sepatutnya. Sebagai permulaan, pelaksanaan CIB akan hanya melibatkan tiga PBT iaitu Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ), Majlis Bandaraya Bersejarah Melaka dan Majlis Daerah Semporna, Sabah.

CIB merupakan antara projek INTEGRITI yang mendapat perhatian daripada Menteri di Jabatan Perdana Menteri, YB Senator Datuk Paul Low. Malah, ia turut diterima oleh Menteri di Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, YB Dato' Rahman Dahlan sebagai instrumen yang dapat memantau projek untuk rakyat. Projek rintis ini akan berlangsung selama 18 bulan dengan anggaran perbelanjaan sebanyak RM400 ribu daripada Bahagian Tadbir Urus dan Integriti, Jabatan Perdana Menteri.

INSTITUSI PENTADBIRAN

Tadbir urus yang baik merupakan elemen utama dalam memastikan kejayaan dasar dan inisiatif yang dilaksanakan oleh kerajaan. Portfolio ini berfungsi sebagai penggerak kepada usaha pemupukan integriti dalam kalangan penjawat awam. Antara program yang telah dilaksanakan adalah:

1. Forum Pemerkasaan Integriti

INTEGRITI dengan kerjasama Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) serta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) telah pun mengadakan enam siri Forum Pemerkasaan Integriti pada tahun 2015 iaitu di Sabah, Pulau Pinang, Johor, Sarawak, Selangor dan Kelantan. Seramai 400 orang

implementasi of development projects for the people, simultaneously achieving practical solutions to overcome them and to be executed by the appropriate parties. Initially, the implementation of the programme will only involve three local authorities, namely Subang Jaya City Council, Melaka Historic City Council and Semporna District Council.

CIB is one of the projects initiated by INTEGRITI that received the attention of Minister in the Prime Minister's Department, Senator Datuk Paul Low. It was also well received by Dato' Rahman Dahlan, the Urban, Housing and Local Government Welfare Minister, who gave his consent to use the instrument to monitor projects for the community. The pilot project will be carried out for 18 months with an estimated cost of RM400,000. The funds for the project will be channelled by the Governance and Integrity Division of the Prime Minister's Department.

ADMINISTRATIVE INSTITUTION

Good governance is the key in ensuring success of policies and initiatives that are implemented by the government. This portfolio serves as a catalyst in the efforts to foster integrity among civil servants. Among the programmes that have been carried out are:

1. Integrity Empowerment Forum

With the cooperation of the Fire and Rescue Department Malaysia (FRDM) as well as the Malaysian Anti-Corruption Commission (MACC), INTEGRITI has organised six series of Integrity Empowerment Forums in 2015 namely in Sabah, Penang, Johor, Sarawak, Selangor and Kelantan. A total of 400 participants from the FRDM, enforcement



peserta dari Jabatan Bomba dan Penyelamat, agensi penguatkuasaan, agensi-agensi kerajaan dan swasta telah hadir ke setiap program ini dengan panel-panel jemputan adalah dalam kalangan ahli akademik, mufti dan pegawai SPRM. Tujuan forum ini dianjurkan adalah untuk memupuk dan meningkatkan pengamalan integriti dalam kalangan penjawat awam terutamanya anggota bomba. Ini merupakan usaha untuk menggalakkan penjawat awam agar bersikap lebih ikhlas, jujur dan tegas terhadap kegiatan tidak bermoral seperti penyelewengan, salah guna kuasa dan rasuah dalam menjalankan tugas.

- Siri 1 Forum Pemerkasaan Integriti Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Zon Sabah – 19 Mac 2015
- Siri 2 Forum Pemerkasaan Integriti Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Zon Utara Pulau Pinang – 21 April 2015
- Siri 3 Forum Pemerkasaan Integriti Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Zon Selatan Johor Bharu – 21 Mei 2015
- Siri 4 Forum Pemerkasaan Integriti Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Zon Sarawak – 6 Ogos 2015
- Siri 5 Forum Pemerkasaan Integriti Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Zon Timur Kelantan – 22 September 2015
- Siri 6 Forum Pemerkasaan Integriti Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Zon Selangor – 5 November 2015

agencies, government and private agencies attended every programme, with invited panellists from various backgrounds, such as academicians, muftis and MACC officers. The purpose of organising these forums is to foster the practice of integrity and increase the integrity level among civil servants, especially among firefighters. This is an effort to encourage civil servants to be more sincere, honest and firm against immoral activities such as malpractices, abuse of power and corruption in the line of duty:

- Series 1 Fire and Rescue Department Malaysia Integrity Empowerment Forum, Sabah Zone – 19 March 2015
- Series 2 Fire and Rescue Department Malaysia Integrity Empowerment Forum, North Penang Zone – 21 April 2015
- Series 3 Fire and Rescue Department Malaysia Integrity Empowerment Forum, South Johor Baharu Zone – 21 May 2015
- Series 4 Fire and Rescue Department Malaysia Integrity Empowerment Forum, Sarawak Zone – 6 August 2015
- Series 5 Fire and Rescue Department Malaysia Integrity Empowerment Forum, East Kelantan Zone – 22 September 2015
- Series 6 Fire and Rescue Department Malaysia Integrity Empowerment Forum, Selangor Zone – 5 November 2015



INSTITUSI EKONOMI

Integriti, tanggungjawab sosial korporat, akauntabiliti dan etika perniagaan yang baik mengukuhkan institusi ekonomi.

1. Bengkel *UMW Corporation Corporate Integrity*

Diadakan selama dua hari bermula 28 Januari 2015 di INTEGRITI, Bengkel *UMW Corporation Corporate Integrity* dihadiri oleh 22 orang pegawai kanan atasan Syarikat UMW yang mewakili pelbagai unit, bahagian dan divisyen. Dalam bengkel berkenaan, Presiden *Transparency International Malaysia* (TI-Malaysia) dan Persatuan Pemeriksa Fraud Bertauliah Malaysia, Dato' Akhbar Satar serta Prof Dr. Syed Hamid Aljunid, Pensyarah Kanan, Pusat Pendidikan Kewangan Islam Antarabangsa (INCEIF) masing-masing menyampaikan ceramah yang bertajuk '*A Criminological Perspective*' dan '*Organizational Culture*'. Sementara topik berkaitan *Corporate Integrity Assessment Questionnaire* (CIAQ) dan Pelan Integriti Organisasi dikongsikan oleh Timbalan Pengarah INTEGRITI, Mohd Rezaidi Mohd Ishak dan Mohd Yusof Mohamad.

2. Bengkel Semakan Semula dan Pemurnian Kod Etika Perniagaan Malaysia

Bagi menyemak semula Kod Etika Perniagaan Malaysia

ECONOMIC INSTITUTIONS

Integrity, corporate social responsibility, accountability and good business ethics strengthen economic institutions.

1. *UMW Corporation Corporate Integrity Workshop*

Held for two days starting from 28 January 2015 at INTEGRITI, the *UMW Corporation Corporate Integrity Workshop* was attended by 22 senior supervisors of the UMW Corporation representing various units, departments and divisions. In the workshop, Dato' Akhbar Satar, President of *Transparency International Malaysia* (TI-Malaysia), and the Malaysian Association of Certified Fraud Examiners, and Prof Dr Syed Hamid Aljunid, Senior Lecturer, International Centre for Education in Islamic Finance (INCEIF) each delivered a lecture entitled '*A Criminological Perspective*' and '*Organisational Culture*', respectively. Meanwhile, a topic related to the *Corporate Integrity Assessment Questionnaire* (CIAQ) and *Organisational Integrity Plan* was shared by Mohd Rezaidi Mohd Ishak, Deputy Director of INTEGRITI, and Mohd Yusof Mohamad.

2. *Workshop on the Revision and Refinement of the Malaysian Business Code of Ethics*

The revision of the Malaysian Business Code of Ethics that

(EPM) yang telah dilancarkan oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) pada tahun 2007, INTEGRITI bersama dengan KPDNKK dan Universiti Teknologi Malaysia (UTM) telah mengadakan sebuah Bengkel Semakan Semula dan Pemurnian Kod Etika Perniagaan Malaysia pada 16 Februari 2015. Program tiga hari di Institut Kemahiran Desa (INFRA), Bangi ini turut disertai wakil daripada Institut Perniagaan Beretika Malaysia (BEIM), Universiti Utara Malaysia (UUM), Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), Akademi Pencegahan Rasuah (MACA), Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM), Tekun Nasional, Majlis Amanah Rakyat (MARA), SME Corporation Malaysia (SME Corp Malaysia), Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM), Dewan Usahawan Industri Desa (DUID), Persatuan Pedagang dan Pengusaha Melayu Malaysia (PERDASAMA) serta Gabungan Persatuan-Persatuan Penjaja dan Peniaga Kecil Melayu Malaysia.

3. Bengkel Integriti Untuk GLC Johor

INTEGRITI bersama-sama dengan Institut Integriti Kepimpinan dan Latihan Semangat Dato' Onn (IKLAS) telah menganjurkan Bengkel Integriti Untuk GLC Johor pada 22 Februari 2015. Ia dilaksanakan bagi memberikan pemahaman yang mendalam

was launched by the Ministry of Domestic Trade, Co-operatives and Consumerism in 2007 was initiated by INTEGRITI. It involved the ministry and Universiti Teknologi Malaysia (UTM), and this resulted in a three day workshop on the Revision and Refinement of the Malaysian Business Code of on 16 February 2015. The three-day programme was attended by representatives of the Business Ethics Institute Malaysia, Universiti Utara Malaysia, Companies Commission of Malaysia, Malaysian Anti-Corruption Academy, Malaysian Cooperative Commission, Tekun Nasional, Majlis Amanah Rakyat (MARA), SME Corporation Malaysia, Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM), Rural Industries Council of Malaysia Entrepreneur, Malay Businessmen and Industrialist Association of Malaysia and Associations of Malay Hawkers and Small Traders of Malaysia.

3. Integrity Workshop for GLC Johor

INTEGRITI, together with Institut Integriti, Kepimpinan dan Latihan Semangat Dato' Onn (IKLAS) organised the Integrity Workshop for GLC in Johor on 22 February 2015. It was held to provide a thorough understanding on the concept of integrity to participants, in addition to strengthening the integrity of the relevant



tentang konsep integriti kepada peserta di samping memantapkan integriti organisasi yang berkaitan. Bengkel yang berlangsung di M Suites Hotel, Johor Bahru ini dihadiri oleh 45 orang peserta dari beberapa buah syarikat berkaitan Kerajaan (GLC) Negeri Johor. Antaranya ialah Johor Corporation (JCorp), Johor Biotechnology and Biodiversity Corporation (J-Biotech), Yayasan Pelajaran Johor (YPJ Holdings) dan Perbadanan Islam Johor (PIJ) Holdings.

4. Persidangan Perniagaan Beretika Kebangsaan 2015 dan Pelancaran Kod Etika Perniagaan Malaysia

Persidangan Perniagaan Beretika Kebangsaan 2015 anjuran Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi Dan Kepenggunaan (KPDNKK) telah berlangsung pada 25 Mac 2015 di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC). Unikunya, persidangan kali ini diadakan secara 'live telecast' di dua buah pusat pengajian tinggi awam iaitu Universiti Utara Malaysia (UUM) dan Universiti Teknologi Malaysia (UTM). Program ini juga menyaksikan pelancaran Kod Etika Perniagaan Malaysia (EPM) yang disempurnakan oleh Menteri KPDNKK, YB Dato' Sri Hasan Malek. Selain itu, majlis turut menyaksikan forum berjudul 'Penerapan

organisations. The workshop, which was held at M Suites Hotel in Johor Bahru, was attended by 45 participants from several companies linked to the state government of Johor. Among them were Johor Corporation (JCorp), Johor Biotechnology and Biodiversity Corporation (J-Biotech), Yayasan Pelajaran Johor (YPJ Holdings) and Perbadanan Islam Johor (PIJ) Holdings.

4. National Business Ethics Conference 2015 and the Launching of Malaysian Business Code of Ethics

The National Business Ethics Conference 2015, organised by the Ministry of Domestic Trade, Co-operatives and Consumerism, was held on 25 March 2015 at Putrajaya International Convention Centre (PICC). This conference was a little bit unique as it was done live telecast at two public institutions of higher learning, Universiti Utara Malaysia and Universiti Teknologi Malaysia. This event also witnessed the launching of the Malaysian Business Code of Ethics that was officiated by Dato' Sri Hasan Malek, Minister of Domestic Trade, Co-operatives and Consumerism. An added event to this was a forum entitled "Application of Ethics in Business: Directions and Challenges". In it, a working paper entitled 'Ethics and Integrity as Universal Values' was presented by Mohd Nizam Mohd Ali, Director of INTEGRITI, and the outcome of an impact study on Corporate Integrity System Assessment on Hawkers and Small Traders was



Etika Dalam Perniagaan: Hala Tuju dan Cabaran' serta pembentangan kertas kerja bertajuk 'Etika dan Integriti Sebagai Nilai Sejagat' oleh Pengarah INTEGRITI, Mohd Nizam Mohd Ali dan hasil kajian impak Penilaian Sistem Integriti Korporat Untuk Penjaja dan Peniaga Kecil oleh penyelidik UTM, Dr. Siti Aisyah Panatik Abdul Rahman.

5. Bengkel Tekad 3 Pelan Integriti Nasional Strategi 4

Bengkel Tekad 3 Pelan Integriti Nasional (PIN) Strategi 4 yang diadakan pada 30 Mac 2015 di Hotel Hilton, Petaling Jaya merupakan lanjutan daripada inisiatif untuk memurnikan Hala Tuju Fasa Ketiga PIN (2014-2018) yang telah dilaksanakan pada tahun 2014. Strategi berkenaan yang digariskan di bawah Institusi Ekonomi memberikan penekanan kepada usaha meningkatkan kerjasama antara syarikat dan kesatuan sekerja. Antara yang hadir ialah wakil daripada Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Selangor, Kementerian Sumber Manusia, Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Di Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS), Kongres Kesatuan Sekerja (MTUC), Kesatuan Kebangsaan Pekerja-Pekerja Telekomunikasi (NUTE) dan Persekutuan Majikan-Majikan Malaysia (MEF).

presented by a Universiti Teknologi Malaysia researcher, Dr Siti Aisyah Panatik Abdul Rahman.

5. Workshop on the 3rd Resolution and the 4th Strategy of the National Integrity Plan (NIP)

A workshop on the 3rd resolution and the 4th strategy of the National Integrity Plan (NIP) was held on 30 March 2015 at Hilton Hotel in Petaling Jaya. It is an extension of the initiative to refine and re-define the 3rd phase of the NIP (2014-2018) that was executed in the year 2014. The strategy that was outlined under the Economic Institution was to give emphasis to the efforts of increasing collaboration between companies and unions. Among those present were representatives from the Selangor Department of Occupational Safety and Health, the Ministry of Human Resource, the Congress of Unions of Employees in Public Service, the Trade Union Congress, the National Union of Telecommunication Employees and Malaysian Employers Federation.



6. MoU ACFE – INTEGRITI

A Memorandum of Understanding (MoU) between INTEGRITI and the Association of Certified Fraud Examiners Malaysia was signed on 30 March 2015. The MoU was sealed at Hilton Hotel in Petaling Jaya was a milestone for the joint



6. MoU ACFE – INTEGRITI

Satu perjanjian persefahaman (MoU) antara INTEGRITI dengan Persatuan Pemeriksa Fraud Bertauliah Malaysia (ACFE) telah ditandatangani pada 30 Mac 2015. Perjanjian yang termeterai di Hotel Hilton, Petaling Jaya ini merupakan detik penting kepada usaha sama kedua-dua organisasi dalam pembangunan modul Jenayah Fraud/Korporat Integriti, penerbitan, pelaksanaan dan perkembangan inisiatif integriti di Malaysia. Antara yang dipersetujui ialah kerjasama dalam mempromosikan prinsip-prinsip dan amalan-amalan integriti korporat dalam program pembelajaran INTEGRITI dan *ACFE Malaysia Chapter #112*.



7. Perbincangan Meja Bulat 'Penilaian Sistem Integriti Korporat Untuk Badan Berkanun' Siri ke-2

Perbincangan meja bulat bertajuk 'Penilaian Sistem Integriti Korporat untuk Badan Berkanun' Siri ke-2 telah diadakan di Hotel Hilton, Petaling Jaya pada 31 Mac 2015. Penganjurannya adalah lanjutan daripada Bengkel Teknikal Penilaian Sistem Integriti Korporat pada penghujung Februari 2015. Program ini dihadiri oleh ahli *Corporate Integrity Expert* INTEGRITI di samping 17 orang wakil syarikat yang berdaftar di bawah Persatuan



venture of the two organisations in the development of Criminal Fraud/Corporate Integrity module, publications, implementations, and the development of integrity initiatives in Malaysia. Among the agreed terms were cooperation in promoting the principles and practices of corporate integrity in the INTEGRITI learning programme and ACFE Malaysia Chapter #112.

7. The Second Series of Roundtable Discussions on the 'Assessment of the Corporate Integrity System for Statutory Bodies'

The second series of roundtable discussions on the 'Assessment of the Corporate Integrity System for Statutory Bodies' was held at Hilton Hotel in Petaling Jaya on 31 March 2015. The roundtable was an extension of the Technical Workshop on Corporate Integrity System Assessment that was held at the end of February 2015. This programme was attended by members of the Corporate Integrity Expert, INTEGRITI in addition to the 17 representatives of companies registered under the Malaysian Statutory Bodies Association. At the end of the session, the draft of the Corporate Integrity Assessment for Statutory Bodies was prepared. Then finally, on 28 November 2015, a discussion on refining the draft was held.

Badan Berkanun Malaysia. Pada akhir perbincangan, satu draf Penilaian Integriti Korporat untuk Badan Berkanun telah dibangunkan. Sesi perbincangan bagi tujuan pemurnian draf Penilaian Integriti Korporat untuk Badan Berkanun ini telah diadakan pada 28 November 2015.

8. Bengkel Portal Sistem Integriti Korporat Malaysia

Bagi mendedahkan manfaat penggunaan portal Sistem Integriti Korporat Malaysia (CISM), sekali gus meningkatkan jumlah penggunaannya dalam kalangan penandatangan, INTEGRITI telah menganjurkan bengkel khas berkaitan Portal CISM pada 2 Julai 2015. Ia disertai oleh 30 buah syarikat di sekitar Lembah Klang. Dalam program berkenaan, lima orang pegawai Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) turut hadir sebagai pemerhati.



8. Workshop on Corporate Integrity System Malaysia Portal

In order to highlight the benefits of using the Corporate Integrity System Malaysia (CISM) portal, thus increasing the amount of utilisation among the signatories, INTEGRITI organised a special workshop on CISM Portal on 2 July 2015. The participants comprised of 30 companies from around Klang Valley that have signed the Corporate Integrity Pledge and five officers from the Malaysian Anti-Corruption Commission were also present as observers.

9. Kursus *Corporate Director Leadership and Integrity* (CDLI)

Pada 3 November 2015, INTEGRITI telah menganjurkan satu *Kursus Corporate Director Leadership and Integrity* (CDLI). Ia melibatkan agensi-agensi berkepentingan seperti Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN), Perbadanan Pembangunan Industri Sekuriti (SIDC), Kementerian Kewangan (MOF), Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dan Jabatan Audit Negara. Tujuan program ini diadakan adalah untuk menyemak semula kandungan dan perjalanan kursus, struktur penilaian dan hal-hal lain berhubung kait dengan kursus CDLI.

9. Corporate Director Leadership and Integrity Course (CDLI)

On 3 November 2015, INTEGRITI organised a Corporate Director Leadership and Integrity Course (CDLI). It involved stakeholders' agencies such as the Institute of Public Administration, the Securities Industry Development Corporation (SIDC), the Ministry of Finance, the Companies Commission of Malaysia, and the National Audit Department. The purpose of this programme was to revise the course content and programme flow, assessment structure and other matters that were related to the course.

INSTITUSI POLITIK

Integriti dalam sistem politik demokrasi Malaysia adalah penting untuk pembangunan dan kestabilan negara. Untuk itu, beberapa program telah diadakan pada tahun 2015:

1. Program Kepimpinan Bersama Biro Penerangan UMNO Bahagian Kluang, Johor

Bertempat di Pusat Latihan Orang Asli Kluang, INTEGRITI telah mengadakan Program Kepimpinan dengan kerjasama Biro Penerangan UMNO Bahagian Kluang, Johor. Ia diadakan bagi memberikan penjelasan tentang peranan INTEGRITI dan falsafah PIN. Selain itu, penganjurannya juga adalah untuk meningkatkan kesedaran dan pemahaman tentang kepentingan pengamalan integriti dalam berpolitik di samping meningkatkan keupayaan para pemimpin untuk menjadi penceramah yang berintegriti. Program yang berlangsung pada 30 hingga 31 Januari 2015 ini dirasmikan oleh Ketua UMNO Bahagian Kluang merangkap Exco Pendidikan, Penerangan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi Negeri



POLITICAL INSTITUTIONS

Integrity in Malaysia's democratic political system is vital for the development and stability of the nation. To that end, a few programmes were held in 2015:

1. Leadership Programme with Kluang UMNO Information Bureau, Johor

Organised in the Kluang Aboriginal Training Centre, the Leadership Programme with Kluang UMNO Information Bureau, Johor was held to provide a thorough explanation on the role of INTEGRITI and the National Integrity Plan (NIP) philosophy. In addition, the programme was also meant to create awareness and understanding about the importance of integrity in the world of politics, apart from developing the skills and the abilities of leaders to become speakers of integrity. The two day programme that was held from 30 until 31 January 2015 was officiated by Haji Md. Jais Haji Sarday, Kluang UMNO Chief cum Johor State Exco on Education, Information, Entrepreneur Development and Cooperatives Committee. It was attended by 80 participants

Johor, Tuan Hj. Md. Jais Haji Sarday. Ia disertai oleh 80 orang peserta yang terdiri daripada Ketua-ketua Cawangan, Ketua-ketua Biro Penerangan, Ketua-ketua Pemuda, Wanita dan Puteri UMNO Bahagian Kluang.

2. Forum Pengukuhan Integriti dan Tadbir Urus Bersama Ahli-Ahli Majlis Pihak Berkuasa Tempatan

Bagi meningkatkan kesedaran dan kefahaman mengenai pengamalan etika dan integriti serta tadbir urus yang baik dalam kalangan pihak berkuasa tempatan (PBT), INTEGRITI telah menganjurkan tiga siri Forum Pengukuhan Integriti dan Tadbir Urus bersama Ahli-ahli Majlis PBT yang rata-ratanya adalah ahli politik di tiga buah negeri iaitu Kedah, Negeri Sembilan dan Selangor. Forum yang berlangsung di tiga buah lokasi yang berbeza iaitu di Alor Setar, Port Dickson dan Shah Alam ini turut diadakan untuk memupuk semangat perpaduan, sekali gus mengeratkan hubungan yang baik antara PBT dengan masyarakat setempat.

- Ahli-ahli Majlis PBT Negeri Kedah – 10 Mac 2015
- Ahli-ahli Majlis PBT Negeri Sembilan – 2 Jun 2015
- Ahli-ahli Majlis PBT Selangor – 5 Jun 2015

consisting of Kluang UMNO Heads of Branches, Heads of Information Bureau, and representatives from its Women, Youth and *Puteri* wings.

2. Forums on Strengthening Integrity and Good Governance with Members of the Local Councils

In order to increase awareness and understanding about ethical practices and integrity as well as good governance among the local authorities, INTEGRITI has organised three series of Forum on Strengthening Integrity and Good Governance with local council members who are mostly made up of local politicians in three states namely Kedah, Negeri Sembilan and Selangor. These forums were also held to foster the spirit of unity, as well as to strengthen the good relationship between the local authorities and the local community. Programmes held are as below:

- Kedah Municipal Authority Council Members – 10 March 2015
- Negeri Sembilan Municipal Authority Council Members – 2 June 2015
